

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,
Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberi maklumat penting tentang insurans berkaitan pelaburan anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

200701032867 (790895-D)

Tarikh: 12/22/2025

PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI/ PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1 Apakah A-LifeLink 2?

A-LifeLink 2 menawarkan kombinasi elemen perlindungan insurans dan pelaburan. Jika Insured meninggal dunia atau hilang upaya secara menyeluruh dan kekal (TPD) sepanjang tempoh polisi, ia akan membayar manfaat kematian/hilang upaya secara menyeluruh dan kekal (TPD), Bonus Ulang Tahun dan Nilai Akaun, pada masa tuntutan.

Nota: Sila rujuk kepada Penerangan Pelan Asas di dalam Lampiran untuk maklumat lanjut.

2 Ketahui Perlindungan / Manfaat-manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk RM8,000.00 tahunan, anda akan menerima perlindungan insurans berikut:	
Manfaat Kematian	RM500,000 tambah Bonus Ulang Tahun dan Nilai Akaun dalam Akaun Perlindungan dan Akaun Simpanan.
Manfaat Hilang Upaya Secara Menyeluruh dan Kekal (TPD) Perlindungan adalah sehingga umur 70 tahun.	RM500,000 tambah Bonus Ulang Tahun.
Bonus Ulang Tahun	Tambahan 1% dalam Jumlah Diinsuranskan daripada pelan asas setiap tahun polisi, bermula dari awal tahun polisi ke-2, sehingga maksimum 20%.
Manfaat Kematangan	Apabila matang pada akhir tahun polisi ke-25, 100% daripada Nilai Akaun dalam Akaun Perlindungan serta Akaun Simpanan akan dibayar.
Perlindungan Tambahan	Anda boleh memilih untuk meningkatkan perlindungan anda dengan menambah rider tambahan (jika berkenaan). Sila rujuk PDS yang berkaitan untuk maklumat lanjut mengenai rider/rider-rider yang dipilih.

Insurans berkaitan pelaburan anda **tidak termasuk**:

- Bunuh Diri** - Jika kematian berlaku akibat bunuh diri dalam tempoh 1 tahun dari Tarikh Pengeluaran atau Tarikh Mula, yang mana kemudian, AIA Bhd. akan memulangkan Nilai Akaun berdasarkan tarikh kematian tanpa faedah bersama dengan jumlah premium yang tidak diperuntukan dan caj-caj polisi yang telah ditolak daripada Tarikh Pengeluaran atau Tarikh Mula, yang mana kemudian. Selepas itu, polisi ini akan ditamatkan.
- Penyakit sedia ada** - termasuk sebarang kecacatan fizikal atau mental, dan penyakit sedia ada untuk penyakit kritikal, sebelum Tarikh Pengeluaran atau Tarikh Mula, yang mana kemudian.
- TPD disebabkan pendedahan kepada bahaya atau tindakan mencederakan diri sendiri sama ada dalam keadaan waras atau tidak waras.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai pengecualian yang sepenuhnya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan pertolongan mengenai insurans berkaitan pelaburan anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1300-88-1899 (Care Line)
03-2056 1111 (Tel.)



Lawat kami di:
<https://www.aia.com.my/bm/our-products/health-protection/life-protection/a-lifelink-2.html>



Emel kami di:
my.pdsenquiry@aia.com

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk insurans berkaitan pelaburan anda, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Premium	RM8,000.00 tahunan Jumlah premium yang perlu anda bayar dan terma-terma polisi mungkin berubah bergantung kepada keperluan penajajaminan AIA Bhd.
Tempoh: 25 tahun	
Syarikat insurans akan memperuntukan sebahagian daripada premium untuk membeli unit dalam dana / dana-dana pelaburan pilihan anda.	
Premium yang diperuntukkan untuk membeli unit-unit	Sila rujuk kepada Ilustrasi Jualan untuk maklumat lanjut.
Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:	
Komisen	6.40% daripada jumlah premium yang perlu dibayar atau RM12,800.00
Kos Insurans (COI)	COI ditolak setiap bulan daripada Nilai Akaun dan ia secara amnya meningkat apabila umur Insured meningkat.
Caj Perkhidmatan Bulanan	RM 8.00 setiap bulan adalah untuk menampung kos pentadbiran bagi menyelenggarakan polisi anda.
Caj Perkhidmatan Perubatan	RM3.00 setiap bulan adalah untuk menampung kos pentadbiran bagi melibatkan pentadbir pihak ketiga.
Caj Pengurusan Dana	Sila rujuk kepada Lembaran Fakta Dana masing-masing untuk maklumat lanjut.

Caj Pengeluaran Separa	Pengeluaran daripada Nilai Akaun dalam tempoh 2 tahun polisi pertama adalah seperti berikut:	
	Tahun Polisi	% daripada Amaun Pengeluaran
	1	20%
Caj Serahan	2	10%
	Nota: Caj Pengeluaran Separa tidak dikenakan ke atas Nilai Akaun daripada A-Plus Saver atau Premium Tokokan.	
	Menyerahkan polisi dalam tempoh 2 tahun pertama adalah seperti berikut:	
	Tahun Polisi	% daripada Nilai Akaun
	1	20%
	2	10%
	Nota: Caj Serahan tidak dikenakan ke atas Nilai Akaun daripada A-Plus Saver atau Premium Tokokan.	

4

Terma Utama Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko untuk tuntutan anda ditolak atau polisi ditamatkan / dibatalkan.
 - Nilai Akaun produk ini bergantung kepada prestasi dana / dana-dana berkaitan pelaburan yang anda pilih.
 - Kadar COI, yuran-yuran serta caj-caj lain bagi produk ini adalah tidak dijamin dan mungkin berbeza dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis 3 bulan kepada pemilik. Anda dikehendaki untuk membayar premium tokok jika kadar COI, yuran-yuran serta caj-caj lain meningkat.
 - Produk ini disertakan bersama Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan. Anda perlu rujuk kepada Lampiran untuk maklumat lanjut.
 - Produk ini menyediakan Perlindungan Terjamin Lima Tahun. Walau bagaimanapun, apabila Perlindungan Terjamin Lima Tahun dibatalkan atas sebarang sebab seperti pengeluaran separa, polisi anda mungkin luput apabila Nilai Akaun anda tidak mencukupi untuk membayar COI, yuran-yuran dan caj-caj.
 - Anda diberi tempoh ihsan 31 hari dari tarikh akhir pembayaran bagi setiap premium berikutnya. Jika premium kekal tidak dibayar pada akhir tempoh ihsan, polisi anda mungkin luput apabila Nilai Akaun anda tidak mencukupi untuk membayar COI, yuran-yuran dan caj-caj.
 - Selepas tempoh ihsan 31 hari, anda diberi tempoh pembayaran lewat selama 14 hari. Jika premium masih belum dibayar pada penghujung tempoh tangguh ini, polisi anda mungkin luput apabila Nilai Akaun polisi anda tidak mencukupi untuk membayar COI, yuran dan caj.
 - INI ADALAH PRODUK INSURANS YANG DIKAITKAN DENGAN PRESTASI ASET-ASET PENDASAR, DAN BUKANNYA PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI UNIT AMANAH.**
- Nota:** Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda harus merujuk kepada kontrak polisi untuk terma-terma yang sepenuhnya.

?

Bolehkan saya membatalkan polisi saya?

- Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd.
- Tempoh Percubaan:** Anda mempunyai hak untuk membatalkan polisi anda dengan memberi AIA Bhd. notis bertulis. Notis tersebut mesti diterima secara langsung oleh AIA Bhd. dalam tempoh 15 hari selepas kontrak e-polisi anda disediakan di portal pelanggan AIA. Premium yang tidak diperuntukan, Nilai Akaun (jika ada) dan caj-caj polisi lain yang telah dikenakan untuk polisi ini akan dibayar balik kepada anda. Jika dalam permohonan anda, anda memilih untuk menerima salinan kontrak polisi anda, notis tersebut mesti dibuat dalam masa 15 hari selepas anda menerima kontrak polisi anda.
 - Selepas Tempoh Percubaan:** Anda boleh menyerahkan polisi anda dengan memberi AIA Bhd. notis bertulis. Nilai penyerahan (jika ada) merujuk kepada sebarang Nilai Akaun, yang tidak dijamin. Caj penyerahan mungkin akan dikenakan apabila permintaan penyerahan dibuat. Sila rujuk kepada Ilustrasi Jualan untuk maklumat lanjut. Sila pertimbangkan dengan teliti kerana anda mungkin mengalami kerugian jika anda menyerahkan polisi. Selepas itu, polisi akan ditamatkan.



LAMPIRAN

PENERANGAN PELAN ASAS:

A-LifeLink 2 menawarkan manfaat seperti berikut:

Manfaat Kematian

- Sekiranya berlaku kematian Insured, amaun yang perlu dibayar adalah lebih tinggi daripada:
 - (a) Jumlah Diinsuranskan Pelan Asas; atau
 - (b) Nilai Akaun dalam Akaun Perlindungan serta Akaun Simpanan (jika ada).
- Perlindungan bagi Manfaat Kematian adalah sehingga akhir tahun polisi ke-25.

A-Plus DisabilityCare (APDC)

- APDC memberi perlindungan bagi Hilang Upaya Secara Menyeluruh dan Kekal (TPD).
- Bagi TPD Insured berlaku sebelum umur 70 tahun:
 - (a) di mana ketidakupayaan mematuhi definisi "Pekerjaan yang Bersesuaian" seperti yang diterangkan dalam kontrak, bayaran pendahuluan sebanyak 10% daripada Jumlah Diinsuranskan APDC dan Pendorong Perlindungan hendaklah dibayar pada Ulang Tahun Polisi pertama dan kedua sejurus selepas tarikh permulaan TPD, diikuti dengan baki 80% daripada jumlah yang diinsuranskan APDC dan Pendorong Perlindungan pada Ulang Tahun Polisi ketiga sebaik selepas tarikh permulaan TPD; atau
 - (b) di mana hilang upaya mematuhi definisi "Hilang Upaya Juvenile", "Hilang Upaya Presumptif" atau "Sebarang Pekerjaan" seperti yang diterangkan dalam kontrak, bayaran sekali gus bagi Jumlah Diinsuranskan APDC tambah Pendorong Perlindungan hendaklah dibayar.
- Jumlah Diinsuranskan pelan asas hendaklah dikurangkan dengan bayaran pendahuluan yang dibuat di bawah APDC.

Bonus Ulang Tahun

- Bonus Ulang Tahun akan meningkatkan perlindungan anda sebanyak 1% daripada Jumlah Diinsuranskan pelan asas setiap tahun polisi bermula dari awal tahun polisi ke-2 sehingga 20% daripada Jumlah Diinsuranskan. Tahap perlindungan akan kekal selepas itu. Setelah dituntut, Bonus Ulang Tahun akan ditentukan berdasarkan peratusan terkumpul dan lebih rendah daripada Jumlah Diinsuranskan pada permulaan polisi atau Jumlah Diinsuranskan semasa pada masa tuntutan, tertakluk pada RM500,000 setiap polisi.
- Bonus Ulang Tahun dibayar jika berlaku kematian, Hilang Upaya Secara Menyeluruh dan Kekal (TPD) (jika berkenaan). Walau bagaimanapun, ia tidak akan dibayar apabila berlakunya penyerahan, luput atau kematangan polisi.

Manfaat Kematangan

- Apabila matang pada umur akhir tahun polisi ke-25, 100% daripada Nilai Akaun dalam Akaun Perlindungan serta Akaun Simpanan akan dibayar.

Nota: Manfaat Kematangan yang dinyatakan di atas tidak akan dibayar sekiranya Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan berkuat kuasa. Nilai Akaun dalam Akaun Perlindungan dan Akaun Simpanan (jika ada) akan digunakan untuk memotong caj polisi dan COI sebarang rider yang dilampirkan, sehingga umur 100 Insured untuk pelan asas dan umur perlindungan maksimum mana-mana rider yang dilampirkan. Jika terdapat sebarang baki Nilai Akaun dalam Akaun Perlindungan serta Akaun Simpanan pada umur 100 Insured, Nilai Akaun dalam Akaun Perlindungan serta Akaun Simpanan akan dibayar sebagai Manfaat Kematangan.

Peruntukan Perlindungan Terjamin Lima (5) Tahun

- Polisi ini akan terus berkuat kuasa dalam tempoh 5 tahun polisi pertama walaupun Nilai Akaun tidak mencukupi untuk membayar yuran-yuran dan caj-caj polisi, sekiranya semua syarat-syarat berikut dipenuhi:
 - Semua premium tetap dan A-Plus Saver (jika ada) telah dibayar pada tarikh genap tempoh atau semasa tempoh ihsan atau tempoh bayaran lewat;
 - Semua premium tetap baru dan premium A-Plus Saver (jika ada) baru yang disebabkan kenaikan COI telah dibayar pada tarikh genap tempoh atau semasa tempoh ihsan atau tempoh bayaran lewat;
 - Cuti premium tidak pernah dilaksanakan; dan
 - Tiada perubahan dibuat kepada Polisi yang mengakibatkan kenaikan COI atau apa-apa pengurangan Nilai Akaun yang sedia ada atau yang akan datang.

Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan

- Apabila akhir tahun polisi ke-25 dan polisi ini masih berkuatkuasa, pelan asas dan sebarang rider yang dilampirkan (kecuali A-Plus WaiverExtra, jika ada) akan terus berkuatkuasa selepas Tarikh Kematangan dengan Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan SEKIRANYA terdapat Nilai Akaun yang mencukupi untuk menolak COI dan yuran-yuran dan caj-caj pelan asas dan sebarang rider yang dilampirkan, sehingga umur Insured 100 tahun bagi pelan asas dan umur maksimum perlindungan mana-mana rider-rider yang dilampirkan. Polisi ini akan luput apabila Nilai Akaun telah habis digunakan.
- Peringatan Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan ini akan dihantar kepada anda 90 hari sebelum Tarikh Kematangan asal polisi. Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan akan berkuatkuasa jika anda tidak memaklumkan AIA Bhd. untuk menarik diri daripada Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan ini. Anda boleh memaklumkan AIA Bhd. terlebih dahulu untuk menarik balik Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan sebelum akhir tahun polisi ke-25. Sila ambil perhatian bahawa jika anda pilih untuk menarik balik Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan, pelan asas dan semua rider yang dilampirkan termasuk sebarang Amaun Health Wallet daripada rider/rider-rider perubatan akan tamat tempoh pada akhir tahun polisi ke-25. Sebarang permohonan untuk Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan adalah tidak dibenarkan selepas anda menarik diri daripadanya.
- Semasa Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan, perlindungan yang disediakan oleh pelan asas dan sebarang rider yang dilampirkan akan kekal sama. Untuk kemampanan berterusan polisi, premium A-Plus Saver atau Tokok premium boleh digunakan untuk memastikan bahawa terdapat Nilai Akaun yang mencukupi untuk memotong COI dan yuran-yuran dan caj-caj.
- Anda boleh merujuk kepada penyata kewangan tahunan untuk amaun tokok yang disyorkan, yang dikemaskini setiap tahun, untuk meningkatkan kemampuan polisi Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan. Anda juga boleh mempertimbangkan menambahkan premium anda dari masa ke masa untuk meningkatkan kemampanan dari polisi anda.

LAIN-LAIN

- (i) Pengeluaran Separa – Pengeluaran Separa dibenarkan dan boleh dikenakan Caj Pengeluaran Separa yang berkenaan dalam 2 tahun polisi pertama. Pengeluaran ini boleh mengurangkan Jumlah Diinsuranskan pelan asas dan akan dibatalkan Perlindungan Dijamin Lima (5) Tahun. Rujuk Lembaran Pendedahan Produk – Bahagian 3: Ketahui Tanggungjawab Anda untuk maklumat mengenai Pengeuaran Separa.
- (ii) Serahan – Anda boleh menyerahkan polisi, tertakluk kepada Caj Serahan dalam tempoh 2 tahun pertama. Setelah serahan, segala Nilai Akaun akan dibayar. Polisi tersebut kemudian akan ditamatkan. Rujuk Lembaran Pendedahan Produk – Bahagian 3: Ketahui Tanggungjawab Anda untuk maklumat mengenai Caj Serahan.
- (iii) Pertukaran Dana – Jika anda mendapati bahawa dana / dana-dana pelaburan yang anda telah pilih tidak lagi sesuai, anda mempunyai fleksibiliti untuk menukar dana / dana-dana pada bila-bila masa. Pertukaran dana kini adalah percuma. AIA Bhd. berhak mengenakan / mengubah yuran dengan memberikan notis bertulis 3 bulan kepada pemilik.
- (iv) Premium Tokok – Selepas polisi berkuat kuasa, anda mempunyai fleksibiliti untuk menambah Nilai Akaun anda dengan membayar premium tokok. Sebarang premium tokok yang telah dibayar akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan dan digunakan untuk membeli unit-unit dalam dana / dana-dana pelaburan pilihan anda, berdasarkan kadar peruntukan 95%.
- (v) Jika keperluan kewangan anda berubah dari semasa ke semasa, anda mempunyai fleksibiliti untuk menyesuaikan perlindungan dan/atau premium anda supaya lebih sesuai dengan keperluan anda. Untuk bantuan, sila hubungi AIA Life Planner atau AIA Bhd.
- (vi) Penamaan - Anda digalakkan untuk melantik penama/penama-penama bagi permohonan insurans anda untuk memastikan penyelesaian tuntutan yang lancar. Sila pastikan penama anda mengetahui polisi yang telah anda beli.
- (vii) Tuntutan – Sila rujuk laman web AIA Bhd. mengenai prosedur tuntutan.

Nota Penting: Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat.

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,
Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang insurans perubatan dan kesihatan anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**

200701032867 (790895-D)

Tarikh: 12/22/2025

PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI/ PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA Bhd. atau PIDM. (layari www.pidm.gov.my)

1 Apakah A-Plus Beyond Critical Shield?

A-Plus Beyond Critical Shield ialah Rider Penolakan Unit (UDR) yang menyediakan perlindungan untuk 75 Penyakit Kritikal Peringkat Lanjutan.

2 Ketahui Perlindungan / Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, anda akan menerima perlindungan berikut:

Manfaat Penyakit Kritikal	RM100,000 ("Jumlah Diinsuranskan Rider") Sekiranya Insured didiagnosis dengan salah satu daripada penyakit kritikal yang dilindungi, Jumlah Diinsuranskan Rider akan dibayar. Nota: Bayaran untuk Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari adalah terhad kepada 10% daripada Jumlah Diinsuranskan Rider, tertakluk kepada maksimum RM25,000. Pembayaran ini akan mengurangkan Jumlah Diinsuranskan Rider.
---------------------------	---

Penyakit kritikal yang dilindungi di bawah rider ini termasuk:

1. Kanser
2. Strok
3. Serangan jantung

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila baca kontrak polisi anda untuk mendapatkan butiran tentang penyakit kritikal yang dilindungi.

Rider anda tidak termasuk:

- a) Syarat Sedia Ada sebelum Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian;
- b) Kanser, Serangan Jantung, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Penyakit Arteri Koronari yang Serius dan Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, yang mana tanda atau gejala pertama kali berlaku dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian;
- c) Semua penyakit kritikal lain yang tanda atau gejala pertama kali berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian;
- d) Penyakit kritikal yang didiagnosis dengan kehadiran sebarang Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV). Kami mungkin memerlukan Insured untuk menjalani ujian darah untuk HIV sebelum kami boleh meluluskan sebarang tuntutan;
- e) Penyakit kritikal yang didiagnosis secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh kecacatan kongenital atau penyakit yang telah nyata atau didiagnosis sebelum umur tujuh belas (17) tahun;
- f) Penyakit kritikal yang disebabkan oleh kecederaan yang dilakukan oleh diri sendiri;
- g) Penyakit kritikal akibat langsung daripada penyalahgunaan alkohol atau dadah; dan
- h) Penyakit kritikal jika Insured tidak hidup sekurang-kurangnya untuk lima belas (15) hari selepas diagnosis penyakit kritikal.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk senarai pengecualian yang sepenuhnya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan pertolongan mengenai insurans perubatan dan kesihatan anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1300-88-1899 (Care Line)
03-2056 1111 (Tel.)



Lawat kami di:
<https://www.aia.com.my/bm/our-products/health-protection/critical-illness-protection/a-plus-beyond-critical-shield-a-plus-beyond-early-critical-shield.html>



E-mel kami di:
my.pdsenquiry@aia.com

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk rider anda, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Premium	Ini ialah Rider Penolakan Unit (UDR). Kos rider termasuk dalam premium pelan asas.
Tempoh: Sehingga akhir tempoh pembayaran premium pelan asas.	
Syarikat insurans memperuntukkan sebahagian daripada premium untuk membeli unit dalam dana pelaburan pilihan anda.	
Premium diperuntukkan untuk pembelian unit	Sila rujuk kepada Ilustrasi Jualan untuk butiran lanjut.
Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:	
Komisen	Ini ialah Rider Penolakan Unit (UDR). Kos rider termasuk dalam premium pelan asas.
Kos Insurans (COI)	COI ditolak setiap bulan daripada Nilai Akaun, dan ia biasanya meningkat apabila Insured semakin tua.

4 Terma Utama Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda berisiko untuk tuntutan anda ditolak atau polisi anda dibatalkan.
- Pertukaran pelan – Mungkin tidak berfaedah untuk beralih dari satu pelan insurans ke yang lain, kerana anda mungkin tertakluk kepada keperluan pengunderaitan baru dan tempoh menunggu untuk polisi baru.
- Tuntutan – Sila rujuk kepada web AIA Bhd. untuk memahami lebih lanjut mengenai prosedur tuntutan.
- Kadar COI tidak dijamin dan boleh diubah dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis 3 bulan sebelumnya kepada pemilik polisi. Anda mungkin dikehendaki menambah premium sekiranya kadar COI meningkat.
- Tempoh Perlindungan:** 25 tahun.
- Rider ini disertakan dengan Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan. Sila rujuk Lampiran untuk maklumat lanjut.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda mesti rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai terma-terma dan syarat-syarat yang sepenuhnya.

? Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd.

- Tempoh Percubaan:** Anda mempunyai hak untuk membatalkan rider dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd. Notis tersebut mesti diterima terus oleh AIA Bhd. dalam tempoh 15 hari selepas kontrak e-polisi anda disediakan di portal pelanggan AIA. Caj insurans yang mungkin telah ditanggung untuk rider ini akan dikembalikan kepada anda. Jika dalam permohonan anda, anda telah memilih untuk menerima salinan cetak kontrak polisi anda, notis tersebut mesti diberikan dalam tempoh 15 hari selepas anda menerima kontrak polisi anda.
- Selepas Tempoh Percubaan:** Anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd. Rider ini tidak mempunyai sebarang nilai serahan apabila dibatalkan. Rider tersebut kemudiannya akan dibatalkan pada tarikh ulang tahun bulanan berikutnya.



LAMPIRAN

PENERANGAN RIDER:

A-Plus Beyond Critical Shield (APBCS)

- APBCS ialah Rider Penolakan Unit (UDR) yang menyediakan perlindungan untuk 75 Penyakit Kritikal Peringkat Lanjutan.
- Sekiranya Insured didiagnosis dengan salah satu daripada penyakit kritikal yang dilindungi atau menjalani pembedahan dilindungi (kecuali Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari), Jumlah Diinsuranskan Rider akan dibayar.
- Sekiranya berlaku Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, 10% daripada Jumlah Diinsuranskan Rider akan dibayar, tertakluk kepada maksimum RM25,000 (terhad kepada satu (1) bayaran sahaja). Pembayaran ini akan mengurangkan Jumlah Diinsuranskan Rider.
- Jumlah Diinsuranskan Asas TIDAK akan dikurangkan oleh bayaran tuntutan yang dibuat di bawah APBCS.
- Setelah 100% daripada Jumlah Diinsuranskan Rider dibayar, rider akan ditamatkan.
- Jika A-Plus Beyond Early Critical Shield dilampirkan dengan polisi, sebarang bayaran tuntutan di bawah A-Plus Beyond Early Critical Shield akan mengurangkan Jumlah Diinsuranskan Rider APBCS.
- Senarai penyakit kritikal yang dilindungi di bawah APBCS adalah seperti berikut:

1) Strok / Angin Ahmar	39) Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk
2) Kanser	40) Sindrom Apallie
3) Serangan Jantung	41) Pankreatitis Berulang Kronik
4) Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	42) Penyakit Creutzfeldt-Jakob (Penyakit Lembu Gila)
5) Penyakit Arteri Koronari Serius	43) Elephantiasis
6) Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari	44) Poliomyelitis
7) Pembedahan Injap Jantung	45) Scleroderma Progresif
8) Hepatitis Viral Fulminan	46) Sindrom Eisenmenger Serius
9) Kegagalan Hati Tahap Akhir	47) Endokarditis Infektif
10) Hipertensi Arteri Pulmonari Primer	48) Arthritis Reumatoid Kronik
11) Penyakit Paru-paru Tahap Akhir	49) Kolitis Ulseratif dengan Colectomy Keseluruhan
12) Kegagalan Buah Pinggang	50) Myasthenia Gravis
13) Pembedahan Aorta	51) Atrofi Otot Progresif
14) Anemia Aplastik Kronik	52) Supranuklear Palsy Progresif
15) Transplan Organ Utama/ Sumsum Tulang	53) Kekurangan Adrenal Kronik
16) Buta - Kekal dan Tidak Boleh Pulih	54) Osteogenesis Imperfecta
17) Pekak - Kekal dan Tidak Boleh Pulih	55) Meningitis Tuberkulosis
18) Hilang Keupayaan Bertutur	56) Pembedahan Scoliosis Idiopatik
19) Koma	57) Metastasis Serebral
20) Kelecuran Tahap Ketiga	58) Demam Hemoragik Ebola
21) Sklerosis Multipel	59) Pheochromocytoma memerlukan pembedahan
22) Kelumpuhan Anggota	60) Sindrom Nefrotik Berulangan Serius
23) Distrofi Otot	61) Penyakit Wilson
24) Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk	62) Sindrom Uremik Haemolitik
25) Penyakit Neuron Motor	63) Nasotising Fasciitis
26) Penyakit Parkinson	64) Difteria Respiratori memerlukan ventilasi mekanikal
27) Penyakit Terminal (Membawa Maut)	65) Kehilangan Anggota/ Anggota-anggota Badan
28) Ensefalitis	66) Rawatan Rapi - memerlukan ventilasi mekanikal selama 10 hari
29) Tumor Otak Benign	67) Aneurisme Serebrum memerlukan Pembedahan Otak
30) Trauma Kepala Major (Teruk)	68) Hepatitis Autoimun Kronik
31) Meningitis Bakteria	69) Avulsi Akar pada Plexus Brachial Multipel
32) Pembedahan Otak	70) Demam Reumatik dengan Gangguan Injap Jantung
33) Penyakit Sistik Medular	71) Pembahagian Semula Seluruh Usus Kecil (duodenum, jejunum dan ilium)
34) Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)	72) Penyakit Crohn Kronik Serius
35) Jangkitan HIV melalui Transfusi Darah	73) Fibrosis Pulmonari yang Serius
36) Kardiomiopati	74) Rabies
37) AIDS dengan Gejala Penuh	75) Tetanus Umum
38) Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) Dijangkiti melalui Pekerjaan	

Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan

- Apabila mencapai tahun polisi ke-25 dan polisi ini masih berkuatkuasa, pelan asas dan sebarang rider yang dilampirkan (kecuali A-Plus WaiverExtra, jika ada) akan terus berkuatkuasa selepas Tarikh Kematangan dengan Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan SEKIRANYA terdapat Nilai Akaun yang mencukupi untuk menolak COI serta yuran dan caj lain bagi pelan asas dan sebarang rider yang dilampirkan, sehingga umur 100 tahun Insured bagi pelan asas dan umur maksimum perlindungan mana-mana rider-rider yang dilampirkan. Polisi ini akan luput apabila Nilai Akaun telah habis digunakan.
- Peringatan tentang ciri ini akan dihantar kepada anda 90 hari sebelum Tarikh Kematangan polisi. Tempoh Sambungan Perlindungan Secara Automatik akan berkuat kuasa jika anda tidak memaklumkan AIA Bhd. untuk menarik diri daripada ciri ini. Anda boleh memaklumkan AIA Bhd. terlebih dahulu untuk menarik balik Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan sebelum mencapai tahun polisi ke-25. Sila ambil perhatian bahawa jika anda memilih untuk menarik balik Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan, pelan asas dan semua rider yang boleh dilampirkan, termasuk Amaun Health Wallet (jika berkenaan) akan tamat tempoh pada tahun polisi ke-25. Permohonan untuk Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan tidak dibenarkan selepas anda menarik balik Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan.
- Semasa Tempoh Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan, perlindungan yang disediakan oleh pelan asas dan sebarang rider yang dilampirkan akan tetap sama. Untuk kemampunan polisi yang berterusan, Premium A-Plus Saver atau Premium Tokok boleh digunakan untuk memastikan terdapat Nilai Akaun yang mencukupi untuk ditolak bagi COI serta yuran dan caj lain.
- Anda boleh merujuk kepada penyata kewangan tahunan untuk amaun tokok yang disyorkan, yang dikemaskini setiap tahun, untuk meningkatkan kemampuan polisi sehingga tempoh perlindungan sambungan. Anda juga boleh mempertimbangkan menambahkan premium anda dari masa ke masa untuk meningkatkan kemampunan dari polisi anda.

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,
Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang insurans perubatan dan kesihatan anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**

200701032867 (790895-D)

Tarikh: 12/22/2025

PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (“PIDM”) UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI/ PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (“TIPS”) PIDM atau hubungi AIA Bhd. atau PIDM. (layari www.pidm.gov.my)

1 Apakah A-Plus Beyond Early Critical Shield?

A-Plus Beyond Early Critical Shield ialah Rider Penolakan Unit (UDR) yang menyediakan perlindungan untuk 65 Penyakit Kritikal Peringkat Awal dan 40 Peringkat Pertengahan.

2 Ketahui Perlindungan / Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, anda akan menerima perlindungan berikut:

Manfaat Penyakit Kritikal	RM100,000 (“Jumlah Diinsuranskan Rider”) Sekiranya Insured didiagnosis dengan salah satu daripada penyakit kritikal yang dilindungi, Jumlah Diinsuranskan Rider akan dibayar. Pembayaran daripada rider ini akan mempercepatkan Jumlah Diinsuranskan A-Plus Beyond Critical Shield anda.
---------------------------	---

Penyakit kritikal yang dilindungi di bawah rider ini termasuk:

- Karsinoma in situ
- Pemasukan Perentak Jantung
- Penyakit Arteri Koronari Awal

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila baca kontrak polisi anda untuk mendapatkan butiran tentang penyakit kritikal yang dilindungi.

Rider anda **tidak termasuk**:

- Syarat Sedia Ada sebelum Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian;
- Kanser, Serangan Jantung, Pembedahan Pintas Arteri Koronari, Penyakit Arteri Koronari yang Serius dan Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, yang mana tanda atau gejala pertama kali berlaku dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian;
- Penyakit kritikal yang didiagnosis dengan kehadiran sebarang Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV). Kami mungkin memerlukan Insured untuk menjalani ujian darah untuk HIV sebelum kami boleh meluluskan sebarang tuntutan;
- Penyakit kritikal yang didiagnosis secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh kecacatan kongenital atau penyakit yang telah nyata atau didiagnosis sebelum umur tujuh belas (17) tahun;
- Penyakit kritikal yang disebabkan oleh kecederaan yang dilakukan oleh diri sendiri;
- Penyakit kritikal akibat langsung daripada penyalahgunaan alkohol atau dadah; dan
- Penyakit kritikal jika Insured tidak hidup sekurang-kurangnya untuk lima belas (15) hari selepas diagnosis penyakit kritikal.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk senarai pengecualian yang sepenuhnya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan pertolongan mengenai insurans perubatan dan kesihatan anda, anda boleh:



Hubungi kami di:

1300-88-1899 (Care Line)
03-2056 1111 (Tel.)



Lawat kami di:

<https://www.aia.com.my/bm/our-products/health-protection/critical-illness-protection/a-plus-beyond-critical-shield-a-plus-beyond-early-critical-shield.html>



E-mel kami di:

my.pdsenquiry@aia.com

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk rider anda, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Premium	Ini ialah Rider Penolakan Unit (UDR). Kos rider termasuk dalam premium pelan asas.
Tempoh: Sehingga akhir tempoh pembayaran premium pelan asas.	
Syarikat insurans memperuntukkan sebahagian daripada premium untuk membeli unit dalam dana pelaburan pilihan anda.	
Premium diperuntukkan untuk pembelian unit	Sila rujuk kepada Ilustrasi Jualan untuk butiran lanjut.
Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:	
Komisen	Ini ialah Rider Penolakan Unit (UDR). Kos rider termasuk dalam premium pelan asas.
Kos Insurans (COI)	COI ditolak setiap bulan daripada Nilai Akaun, dan ia biasanya meningkat apabila Insured semakin tua.

- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda berisiko untuk tuntutan anda ditolak atau polisi anda dibatalkan.
- Pertukaran pelan – Mungkin tidak berfaedah untuk beralih dari satu pelan insurans ke yang lain, kerana anda mungkin tertakluk kepada keperluan pengunderaitan baru dan tempoh menunggu untuk polisi baru.
- Tuntutan – Sila rujuk kepada web AIA Bhd. untuk memahami lebih lanjut mengenai prosedur tuntutan.
- Kadar COI tidak dijamin dan boleh diubah dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis 3 bulan sebelumnya kepada pemilik polisi. Anda mungkin dikehendaki menambah premium sekiranya kadar COI meningkat.
- **Tempoh Perlindungan:** 25 tahun.
- Rider ini disertakan dengan Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan. Sila rujuk Lampiran untuk maklumat lanjut.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda mesti rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai terma-terma dan syarat-syarat yang sepenuhnya.

Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd.

- **Tempoh Percubaan:** Anda mempunyai hak untuk membatalkan rider dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd. Notis tersebut mesti diterima terus oleh AIA Bhd. dalam tempoh 15 hari selepas kontrak e-polisi anda disediakan di portal pelanggan AIA. Caj insurans yang mungkin telah ditanggung untuk rider ini akan dikembalikan kepada anda. Jika dalam permohonan anda, anda telah memilih untuk menerima salinan cetak kontrak polisi anda, notis tersebut mesti diberikan dalam tempoh 15 hari selepas anda menerima kontrak polisi anda.
- **Selepas Tempoh Percubaan:** Anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd. Rider ini tidak mempunyai sebarang nilai serahan apabila dibatalkan. Rider tersebut kemudiannya akan dibatalkan pada tarikh ulang tahun bulanan berikutnya.



LAMPIRAN

PENERANGAN RIDER:

A-Plus Beyond Early Critical Shield (APBECS)

- APBECS ialah Rider Penolakan Unit (UDR) yang menyediakan perlindungan untuk 65 Penyakit Kritikal Peringkat Awal dan 40 Peringkat Pertengahan.
- Sekiranya Insured didiagnosis dengan salah satu daripada penyakit kritikal yang dilindungi atau menjalani pembedahan yang dilindungi, Jumlah Diinsuranskan Rider akan dibayar.
- Setelah 100% daripada Jumlah Diinsuranskan Rider dibayar, rider akan ditamatkan.
- Tuntutan yang dibuat di bawah rider ini akan mengurangkan amaun perlindungan A-Plus Beyond Critical Shield.
- Setelah 100% daripada amaun perlindungan A-Plus Beyond Critical Shield telah dibayar, rider ini akan berhenti.
- Senarai penyakit kritikal yang dilindungi di bawah APBECS adalah seperti berikut:

No.	Kategori Penyakit Kritikal	Peristiwa Penyakit Kritikal	
		Peringkat Awal	Peringkat Pertengahan
1	Kanser	- Karsinoma in situ; atau - Kanser Prostat Awal; atau - Kanser Tiroid Awal; atau - Kanser Pundi Awal; atau - Leukemia Limfositik Kronik Awal; atau - Melanoma Awal; atau - Kanser Stromal gastro-usus	- Karsinoma in situ dan Kanser Awal Organ Khusus lain yang Dirawat dengan Pembedahan Radikal
2	Strok / Angin Ahmar	- Pembedahan Aneurisme Otak; atau - Pemasukan Pintasan Serebrum	- Pembedahan Arteri Karotid
3	Serangan Jantung	- Pemasukan Perentak Jantung	- Pemasukan Defibrilator Jantung
4	Penyakit Arteri Koronari Serius	- Penyakit Arteri Koronari Awal	- Penyakit Arteri Koronari Lain
5	Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	- Perikardektomi; atau - Terapi Laser Transmyocardial	- Penggrafan Pintasan Arteri Koronari Langsung Kurang Invasif (MIDCAB)
6	Pembedahan Injap Jantung	- Valvuloplasti Perkutaneus	- Penggantian Injap Perkutaneus
7	Kardiomiopati	- Kardiomiopati Hipertrofik	- Perikarditis Konstriktif dengan Pembedahan
8	Pembedahan Aorta	- Aneurisme Aorta Asimtomatik Besar	- Pembedahan Kurang Invasif ke atas Aorta
9	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer	- Hipertensi Arteri Pulmonari Primer Awal	- Hipertensi Arteri Pulmonari Sekunder
10	Penyakit Paru-paru Kronik	- Asma Serius; atau - Pemasukan penapis Vena Cava	- Pembuangan Satu Paru-paru menerusi Pembedahan
11	Penyakit Hati	- Pembedahan Hati	- Sirosis Hati
12	Transplan Organ Utama/ Sumsum Tulang	- Transplan Usus Kecil; atau - Transplan Kornea	- Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang (dalam senarai menunggu)
13	Penyakit Parkinson	- Penyakit Parkinson Awal	- Penyakit Parkinson Sederhana Serius
14	Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk	- Penyakit Alzheimer Awal	- Penyakit Alzheimer Sederhana Serius
15	Koma	- Koma selama 48 jam	- Koma selama 72 jam
16	Hilang Penglihatan	- Kehilangan Penglihatan Sebelah Mata	- Retinitis Pigmentosa; atau - Atrofi Saraf Optik
17	Hilang Pendengaran	- Kehilangan Sebahagian Pendengaran; atau - Pembedahan Trombosis Sinus Kavernus	- Pembedahan Implan Koklear
18	Kegagalan Buah Pinggang	- Pembuangan Satu Buah Pinggang menerusi Pembedahan	- Penyakit Buah Pinggang Kronik
19	Transfusi Darah	- Hepatitis B atau C yang Diperolehi menerusi Pekerjaan; atau - Jangkitan HIV Akibat Serangan	- Jangkitan HIV Melalui Transplan Organ
20	Anemia Aplastik	- Anemia Aplastik Boleh Dipulihkan	Tiada
21	Meningitis Bakteria	- Meningitis Bakteria dengan Pemulihan Penuh	- Meningitis Bakteria Sederhana Serius
22	Pembedahan Otak	- Pembedahan bagi Hematoma Subdura	- Pembuangan Tumor Otak melalui Laluan Trans Sfenoidal
23	Tumor Otak	- Pembedahan Pemetongan Meningioma Tulang Belakang	- Pembedahan Pembuangan Tumor Pituitari menerusi Hipofisektomi Trans Sfenoidal
24	Ensefalitis	- Ensefalitis dengan Pemulihan Penuh	- Ensefalitis Sederhana
25	Trauma Kepala	- Pembedahan Rekonstruktif Muka; atau - Kecederaan Saraf Tunjang Serviks Kerana Kemalangan	- Trauma Kepala Sederhana
26	Hilang Keupayaan Bertutur	- Hilang Keupayaan Bertutur (selain dari kecederaan atau penyakit pada pita suara)	- Trakeostomi Kekal (atau Sementara)
27	Penyakit Sistik Medular	- Glomerulonefritis Kronik	Tiada
28	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)	- Kehilangan Jari	- Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari) Peringkat Awal

No.	Kategori Penyakit Kritikal	Peristiwa Penyakit Kritikal	
		Peringkat Awal	Peringkat Pertengahan
29	Kelecuman	- Kelecuman Sederhana	- Kelecuman Sederhana Serius
30	Hepatitis Viral Fulminan	- Pembedahan Pembentukan Semula Salur Biliari	- Kolangitis Sklerosis Primer Kronik
31	Sklerosis Multipel	- Sklerosis Multipel Peringkat Awal	Tiada
32	Distrofi Otot	- Penyakit Saraf Tunjang atau Kecederaan yang menyebabkan Gangguan Usus dan Pundi	- Distrofi Otot Sederhana Serius
33	Kelumpuhan Anggota	- Hilang Penggunaan Satu Anggota	- Kehilangan Penggunaan Satu Anggota dan Kehilangan Penglihatan Sebelah Mata
34	Lupus Eritematosus Sistemik	- Lupus Eritematosus Sistemik Kurang Serius	Tiada
35	Sindrom Eisenmenger	- Sindrom Eisenmenger Kurang Serius	Tiada
36	Endokarditis Infektif	- Endokarditis Infektif Sederhana Serius	Tiada
37	Poliomielitis	- Neuropati Perifer	- Poliomyelitis Sederhana
38	Scleroderma Progresif	- Scleroderma Progresif Awal	- Scleroderma Progresif dengan Sindrom CREST
39	Arthritis Reumatoid Serius	- Arthritis Reumatoid Sederhana	- Arthritis Reumatoid Sederhana Serius
40	Penyakit Crohn	- Penyakit Crohn Kronik	Tiada
41	Kolitis Ulseratif Serius	- Kolitis Ulseratif Kronik; atau - Kolitis Ulseratif Akut	Tiada
42	Myasthenia Gravis	- Myasthenia Gravis Kurang Serius	Tiada
43	Atrofi Otot Progresif	- Atrofi Otot Progresif Kurang Serius	Tiada
44	Supranuklear Palsy Progresif	- Supranuklear Palsy Progresif Awal	Tiada
45	Kekurangan Adrenal Kronik	- Adrenalectomi untuk Adenoma Adrenal	Tiada
46	Osteogenesis Imperfecta	- Osteoporosis dengan Keretakan	- Osteoporosis dengan Keretakan Serius
47	Meningitis Tuberkulosis	- Mielitis Tuberkulosis	Tiada
48	Rawatan Rapi	- Rawatan Rapi - memerlukan ventilasi mekanikal selama 5 hari	Tiada
49	Sindrom Apalik	- Sifat Bisu Akinetic	- Sindrom Locked In
50	Hepatitis Autoimun Kronik	- Hepatitis Autoimun Kronik Awal	Tiada
51	Pankreatitis Berulangan Kronik	- Pankreatitis Nekrotik Akut	- Pankreatitis Berulangan Kronik Sederhana Serius
52	Epilepsi Serius	Tiada	- Epilepsi Serius
53	Keretakan Tulang Belakang dalam Kemalangan	Tiada	- Keretakan Tulang Belakang dalam Kemalangan
54	Penyakit Neuron Motor	Tiada	- Penyakit Neuron Motor Peringkat Awal

Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan

- Apabila mencapai tahun polisi ke-25 dan polisi ini masih berkuatkuasa, pelan asas dan sebarang rider yang dilampirkan (kecuali A-Plus WaiverExtra, jika ada) akan terus berkuatkuasa selepas Tarikh Kematangan dengan Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan SEKIRANYA terdapat Nilai Akaun yang mencukupi untuk menolak COI serta yuran dan caj lain bagi pelan asas dan sebarang rider yang dilampirkan, sehingga umur 100 tahun Insured bagi pelan asas dan umur maksimum perlindungan mana-mana rider-rider yang dilampirkan. Polisi ini akan luput apabila Nilai Akaun telah habis digunakan.
- Peringatan tentang ciri ini akan dihantar kepada anda 90 hari sebelum Tarikh Kematangan polisi. Tempoh Sambungan Perlindungan Secara Automatik akan berkuat kuasa jika anda tidak memaklumkan AIA Bhd. untuk menarik diri daripada ciri ini. Anda boleh memaklumkan AIA Bhd. terlebih dahulu untuk menarik balik Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan sebelum mencapai tahun polisi ke-25. Sila ambil perhatian bahawa jika anda memilih untuk menarik balik Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan, pelan asas dan semua rider yang boleh dilampirkan, termasuk Amaun Health Wallet (jika berkenaan) akan tamat tempoh pada tahun polisi ke-25. Permohonan untuk Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan tidak dibenarkan selepas anda menarik balik Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan.
- Semasa Tempoh Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan, perlindungan yang disediakan oleh pelan asas dan sebarang rider yang dilampirkan akan tetap sama. Untuk kemampanan polisi yang berterusan, Premium A-Plus Saver atau Premium Tokok boleh digunakan untuk memastikan terdapat Nilai Akaun yang mencukupi untuk ditolak bagi COI serta yuran dan caj lain.
- Anda boleh merujuk kepada penyata kewangan tahunan untuk amaun tokok yang disyorkan, yang dikemaskini setiap tahun, untuk meningkatkan kemampuan polisi sehingga tempoh perlindungan sambungan. Anda juga boleh mempertimbangkan menambahkan premium anda dari masa ke masa untuk meningkatkan kemampanan dari polisi anda.

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,
Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang insurans perubatan dan kesihatan anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**

200701032867 (790895-D)

Tarikh: 12/22/2025

PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI/ PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA Bhd. atau PIDM. (layari www.pidm.gov.my)

1 Apakah A-Plus Critical Assure (Accelerate)?

A-Plus Critical Assure (Accelerate) ialah Rider Penolakan Unit (UDR) yang menyediakan perlindungan untuk 75 Penyakit Kritikal Peringkat Lanjutan. Pembayaran daripada rider ini akan mengurangkan Jumlah Diinsuranskan Asas.

2 Ketahui Perlindungan / Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, anda akan menerima perlindungan berikut:	
Manfaat Penyakit Kritikal	RM100,000 ("Jumlah Diinsuranskan Rider") Sekiranya Insured didiagnosis dengan salah satu daripada penyakit kritikal yang dilindungi, Jumlah Diinsuranskan Rider akan dibayar. Nota: Bayaran untuk Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari adalah terhad kepada 10% daripada Jumlah Diinsuranskan Rider, tertakluk kepada maksimum RM25,000. Pembayaran ini akan mengurangkan Jumlah Diinsuranskan Rider dan Jumlah Diinsuranskan Asas.
Penyakit kritikal yang <u>dilindungi</u> di bawah rider ini termasuk: 1. Kanser 2. Strok 3. Serangan jantung	
Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila baca kontrak polisi anda untuk mendapatkan butiran tentang penyakit kritikal yang dilindungi.	

Rider anda tidak termasuk:	
a) Syarat Sedia Ada sebelum Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian;	
b) Kanser, Serangan Jantung, Pembedahan Pintas Arteri Koronari, Penyakit Arteri Koronari yang Serius dan Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, yang mana tanda atau gejala pertama kali berlaku dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian;	
Syarikat insurans memperuntukkan sebahagian daripada premium untuk membeli unit dalam dana pelaburan pilihan anda.	
Premium diperuntukkan untuk pembelian unit	Sila rujuk kepada Ilustrasi Jualan untuk butiran lanjut.

Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:

Komisen	Ini ialah Rider Penolakan Unit (UDR). Kos rider termasuk dalam premium pelan asas.
Kos Insurans (COI)	COI ditolak setiap bulan daripada Nilai Akaun, dan ia biasanya meningkat apabila Insured semakin tua.

4 Terma Utama Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda berisiko untuk tuntutan anda ditolak atau polisi anda dibatalkan.
- Pertukaran pelan – Mungkin tidak berfaedah untuk beralih dari satu pelan insurans ke yang lain, kerana anda mungkin tertakluk kepada keperluan pengunderaitan baru dan tempoh menunggu untuk polisi baru.
- Tuntutan – Sila rujuk kepada web AIA Bhd. untuk memahami lebih lanjut mengenai prosedur tuntutan.
- Kadar COI tidak dijamin dan boleh diubah dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis 3 bulan sebelumnya kepada pemilik polisi. Anda mungkin dikehendaki menambah premium sekiranya kadar COI meningkat.
- Tempoh Perlindungan:** Sehingga umur insured 50 tahun.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda mesti rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai terma-terma dan syarat-syarat yang sepenuhnya.

? Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd.

- Tempoh Percubaan:** Anda mempunyai hak untuk membatalkan rider dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd. Notis tersebut mesti diterima terus oleh AIA Bhd. dalam tempoh 15 hari selepas kontrak e-polisi anda disediakan di portal pelanggan AIA. Caj insurans yang mungkin telah ditanggung untuk rider ini akan dikembalikan kepada anda. Jika dalam permohonan anda, anda telah memilih untuk menerima salinan cetak kontrak polisi anda, notis tersebut mesti diberikan dalam tempoh 15 hari selepas anda menerima kontrak polisi anda.
- Selepas Tempoh Percubaan:** Anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd. Rider ini tidak mempunyai sebarang nilai serahan apabila dibatalkan. Rider tersebut kemudiannya akan dibatalkan pada tarikh ulang tahun bulanan berikutnya.



LAMPIRAN

PENERANGAN RIDER:

A-Plus GenNext (APGN)

- APGN ialah Rider Penolakan Unit (UDR) yang menyediakan perlindungan kepada dewasa muda untuk mengatasi ketidakpastian hidup.
- Senarai manfaat-manfaat yang dilindungi di bawah APGN adalah seperti berikut:

Manfaat-manfaat	Perlindungan	% daripada Jumlah Diinsuranskan APGN
Manfaat Cabaran Kesihatan	Sekiranya mengalami kemalangan atau penyakit (yang memerlukan pembedahan pesakit dalam atau hospitalisasi) yang menghalang Insured daripada bekerja untuk sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut.	- Elaun bulanan 2%. Dibayar sehingga maksimum 6 bulan untuk setiap tuntutan. - Hanya satu tuntutan akan dibayar jika dua peristiwa bertindih. Peristiwa dengan tempoh ketidakupayaan untuk bekerja yang lebih lama akan dibayar. - Tuntutan berikutnya akibat kemalangan atau penyakit yang sama tidak akan dibayar.
Manfaat Cabaran Perubahan Hidup	Sekiranya Insured mengalami Kanser Peringkat Awal atau Penyakit Berkaitan Jantung Peringkat Awal.	- Elaun bulanan 2%. Dibayar sehingga maksimum 6 bulan. - Jumlah Diinsuranskan Rider tidak akan dikurangkan oleh pembayaran yang dibuat di bawah manfaat ini.
Manfaat Perlindungan Tambahan	Sekiranya Insured didiagnosis dengan salah satu daripada 38 penyakit-penyakit kritikal yang dilindungi atau mengalami Hilang Upaya Akibat Kemalangan.	- 100% daripada Jumlah Diinsuranskan Rider akan dibayar. - APGN akan tamat apabila tuntutan telah dibayar dan semua elaun lain akan terhenti.

- Senarai Kanser Peringkat Awal atau Penyakit Berkaitan Jantung Peringkat Awal di bawah Manfaat Cabaran Perubahan Hidup adalah seperti berikut:

Kategori	Peristiwa-peristiwa
Kanser	- Karsinoma in situ; atau - Kanser Prostat Awal; atau - Kanser Tiroid Awal; atau - Kanser Pundi Awal; atau - Leukemia Limfositik Kronik Awal; atau - Karsinoma in situ dan Kanser Awal Organ Khusus lain yang Dirawat dengan Pembedahan Radikal
Serangan Jantung	- Pemasukan Perentak atau Defibrilator Jantung
Penyakit Arteri Koronari Serius	- Penyakit Arteri Koronari Awal; atau - Penyakit Arteri Koronari Lain
Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	- Perikardektomi; atau - Penggrafan Pintasan Arteri Koronari Langsung Kurang Invasif
Pembedahan Injap Jantung	- Valvuloplasti Perkutaneus; atau - Penggantian Injap Perkutaneus
Kardiomiopati	- Kardiomiopati Hipertrofik; atau - Perikarditis Konstriktif dengan Pembedahan
Aorta	- Aneurisme Aorta Asimtomatik Besar; atau - Pembedahan Kurang Invasif ke atas Aorta
Hipertensi Arteri Pulmonari Primer	- Hipertensi Arteri Pulmonari Primer Awal

- Senarai 38 penyakit kritikal yang dilindungi di bawah Manfaat Perlindungan Tambahan adalah seperti berikut:

1) Strok / Angin Ahmar	20) Sklerosis Multipel
2) Kanser	21) Kelumpuhan Anggota
3) Serangan Jantung	22) Distrofi Otot
4) Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	23) Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk
5) Penyakit Arteri Koronari Serius	24) Penyakit Neuron Motor
6) Pembedahan Injap Jantung	25) Penyakit Parkinson
7) Hepatitis Viral Fulminan	26) Penyakit Terminal (Membawa Maut)
8) Kegagalan Hati Tahap Akhir	27) Ensefalitis
9) Hipertensi Arteri Pulmonari Primer	28) Tumor Otak Benign
10) Penyakit Paru-paru Tahap Akhir	29) Trauma Kepala Major (Teruk)
11) Kegagalan Buah Pinggang	30) Meningitis Bakteria
12) Pembedahan Aorta	31) Pembedahan Otak
13) Anemia Aplastik Kronik	32) Penyakit Sistik Medular
14) Transplan Organ Utama / Sumsum Tulang	33) Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
15) Buta – Kekal dan Tidak Boleh Pulih	34) Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah
16) Pekak – Kekal dan Tidak Boleh Pulih	35) Kardiomiopati
17) Hilang Keupayaan Bertutur	36) AIDS Dengan Gejala Penuh
18) Koma	37) Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) Dijangkiti Melalui Pekerjaan
19) Kelecuran Tahap Ketiga	38) Lupus Eritematosus Sistemik dengan komplikasi buah pinggang yang teruk

- Senarai Hilang Upaya Akibat Kemalangan di bawah Manfaat Perlindungan Tambahan adalah seperti berikut:

1) Kehilangan penglihatan sebelah atau kedua-dua belah mata yang menyeluruh dan kekal
2) Kehilangan atau kehilangan penggunaan satu atau dua anggota tangan atau kaki yang menyeluruh dan kekal
3) Kehilangan pertuturan dan pendengaran yang menyeluruh dan kekal
4) Ketidaksiuman yang kekal dan tidak boleh dipulihkan
5) Kelumpuhan menyeluruh dan kekal
- Jumlah diinsuranskan pelan asas tidak akan dikurangkan oleh pembayaran pendahuluan yang dibayar di bawah APGN.

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,
Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang insurans perubatan dan kesihatan anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**

200701032867 (790895-D)

Tarikh: 12/22/2025

PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI/ PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA Bhd. atau PIDM. (layari www.pidm.gov.my)

1 Apakah A-Plus MedCare?

A-Plus MedCare ialah Rider Penolakan Unit (UDR) yang menawarkan akses kepada Manfaat Pengurusan Kes Perubatan Peribadi (PMCM) dan Manfaat Tiket Penerbangan untuk Rawatan Luar Negara. Manfaat Pengurusan Kes Perubatan Peribadi (PMCM) adalah perkhidmatan nilai tambah yang menawarkan bimbingan dan sokongan berterusan daripada diagnosis hingga pemulihan, untuk memastikan anda menerima diagnosis yang betul dan pelan rawatan yang paling sesuai semasa keadaan perubatan yang serius.

2 Ketahui Perlindungan / Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, anda akan menerima perlindungan berikut:	
Manfaat Pengurusan Kes Perubatan Peribadi (PMCM)	Ia menawarkan maklumat yang komprehensif, perundingan perubatan jarak jauh tambahan dan pendapat tambahan daripada pakar perubatan dan doktor pakar, bimbingan, bantuan dalam mencapai diagnosis yang betul dan sokongan tepat dalam proses menentukan rawatan perubatan yang terbaik, dan menyelaraskan rawatan perubatan yang berkualiti oleh pakar perubatan terkemuka dari pusat perubatan yang terkemuka.
Manfaat Tiket Penerbangan untuk Rawatan Luar Negara	Sekiranya rawatan luar negara (di luar Malaysia) dicadangkan disebabkan terdapat kekurangan kepakaran tempatan dalam bidang berkaitan, dan anda membuat keputusan untuk menjalani rawatan tersebut, kami akan membayar balik kos tiket penerbangan Insured dan seorang peneman, pergi dan/atau balik dari lokasi rawatan tersebut sehingga had keseluruhan sebanyak RM10,000 seumur hidup.
Keadaan perubatan yang <u>dilindungi</u> di bawah Manfaat PMCM termasuk:	
1. Kanser 2. Penyakit neurologi 3. Penyakit kardiovaskular	
Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila baca kontrak polisi anda untuk mendapatkan butiran tentang keadaan perubatan yang dilindungi.	

Manfaat PMCM tidak termasuk:
a) Kecemasan perubatan;
b) Kemalangan;
c) Situasi mendesak atau mengancam nyawa, seperti kemasukan ke Unit Rawatan Rapi (ICU);
d) Isu harian atau biasa, seperti selsema, selesema, demam, ruam sekali-sekala dan lain-lain;
e) Pengurusan penyakit kronik jangka panjang seperti hepatitis kronik, kencing manis, tekanan darah tinggi, kolesterol tinggi dan lain-lain (namun, sebarang komplikasi penyakit kronik hendaklah dilindungi); dan
f) Keadaan kesihatan mental seperti anoreksia/bulimia, gangguan tidur berkaitan kesihatan mental, kebimbangan, kemurungan dan lain-lain.
Nota: Senarai ini tidak menyeluruh . Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk senarai pengecualian yang sepenuhnya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan pertolongan mengenai insurans perubatan dan kesihatan anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1300-88-1899 (Care Line)
03-2056 1111 (Tel.)



Lawat kami di:
<https://www.aia.com.my/bm/our-products/health-protection/medical-protection/a-plus-medcare.html>



E-mel kami di:
my.pdsenquiry@aia.com

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk rider anda, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Premium	Ini ialah Rider Penolakan Unit (UDR). Kos rider termasuk dalam premium pelan asas.
Tempoh: Sehingga akhir tempoh pembayaran premium pelan asas.	
Syarikat insurans memperuntukkan sebahagian daripada premium untuk membeli unit dalam dana pelaburan pilihan anda.	
Premium diperuntukkan untuk pembelian unit	Sila rujuk kepada Ilustrasi Jualan untuk butiran lanjut.
Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:	
Komisen	Ini ialah Rider Penolakan Unit (UDR). Kos rider termasuk dalam premium pelan asas.
Kos Insurans (COI)	COI ditolak setiap bulan daripada Nilai Akaun, dan ia biasanya meningkat apabila Insured semakin tua.

- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda berisiko untuk tuntutan anda ditolak atau polisi anda dibatalkan.
- Tempoh menunggu selama tiga puluh (30) hari adalah terpakai bermula dari Tarikh Mula atau Tarikh Berkuatkuasa, yang mana kemudian.
- Pertukaran pelan – Mungkin tidak berfaedah untuk beralih dari satu pelan insurans ke yang lain, kerana anda mungkin tertakluk kepada keperluan pengunderaitan baru dan tempoh menunggu untuk polisi baru.
- Tuntutan – Sila rujuk kepada web AIA Bhd. untuk memahami lebih lanjut mengenai prosedur tuntutan.
- Kadar COI tidak dijamin dan boleh diubah dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis 30 hari sebelumnya kepada pemilik polisi. Anda mungkin dikehendaki menambah premium sekiranya kadar COI meningkat.
- AIA Bhd. berhak untuk membatalkan rider ini dengan memberi notis bertulis 30 hari sebelumnya kepada pemilik polisi.
- **Tempoh Perlindungan:** 25 tahun.
- Rider ini disertakan dengan Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan. Sila rujuk Lampiran untuk maklumat lanjut.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda mesti rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai terma-terma dan syarat-syarat yang sepenuhnya.

Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd.

- **Tempoh Percubaan:** Anda mempunyai hak untuk membatalkan rider dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd. Notis tersebut mesti diterima terus oleh AIA Bhd. dalam tempoh 15 hari selepas kontrak e-polisi anda disediakan di portal pelanggan AIA. Caj insurans yang mungkin telah ditanggung untuk rider ini akan dikembalikan kepada anda. Jika dalam permohonan anda, anda telah memilih untuk menerima salinan cetak kontrak polisi anda, notis tersebut mesti diberikan dalam tempoh 15 hari selepas anda menerima kontrak polisi anda.
- **Selepas Tempoh Percubaan:** Anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd. Rider ini tidak mempunyai sebarang nilai serahan apabila dibatalkan. Rider tersebut kemudiannya akan dibatalkan pada tarikh ulang tahun bulanan berikutnya.



LAMPIRAN

PENERANGAN RIDER:

A-Plus MedCare (APMC)

- APMC ialah Rider Penolakan Unit (UDR) yang menawarkan akses kepada Manfaat Pengurusan Kes Perubatan Peribadi (PMCM) dan Manfaat Tiket Penerbangan untuk Rawatan Luar Negara. Manfaat Pengurusan Kes Perubatan Peribadi (PMCM) adalah perkhidmatan nilai tambah yang menawarkan bimbingan dan sokongan berterusan daripada diagnosis hingga pemulihan, untuk memastikan anda menerima diagnosis yang betul dan pelan rawatan yang paling sesuai semasa keadaan perubatan yang serius.
- Tempoh menunggu selama tiga puluh (30) hari adalah terpakai bermula dari Tarikh Mula atau Tarikh Berkuatkuasa, yang mana kemudian, rider ini. Semasa tempoh menunggu ini, Insured tidak layak untuk manfaat yang dinyatakan di bawah.
- Sila ambil perhatian bahawa sekiranya anda memilih untuk meneruskan pelan perubatan yang dicadangkan oleh penyedia perkhidmatan kami, kos perubatan tersebut mungkin tidak dilindungi di bawah polisi atau kad perubatan anda dengan AIA Bhd. Anda dinasihatkan supaya memastikan manfaat yang dilindungi di bawah polisi anda dengan AIA Bhd. sebelum membuat rawatan yang dicadangkan.
- AIA Bhd. tidak terlibat dalam sebarang cadangan yang diberikan oleh penyedia perkhidmatan kerana tujuan adalah untuk penyedia perkhidmatan memberikan nasihat perubatan yang paling bebas.

Manfaat Pengurusan Kes Perubatan Peribadi (PMCM)

- Perkhidmatan PMCM ditadbir oleh pembekal perkhidmatan kami. Ia menawarkan maklumat yang komprehensif, perundingan perubatan jarak jauh tambahan dan pendapat tambahan daripada pakar perubatan dan doktor pakar, bimbingan, bantuan dalam mencapai diagnosis dan sokongan tepat dalam proses menentukan rawatan perubatan yang terbaik, dan menyelaraskan rawatan perubatan yang berkualiti oleh pakar perubatan terkemuka dari pusat perubatan yang terkemuka. Perkhidmatan PMCM tidak akan menetapkan apa-apa rawatan tetapi akan membantu Insured untuk mencapai diagnosis yang betul dan pelan rawatan yang paling sesuai.
- Insured adalah layak untuk perkhidmatan PMCM tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (a) Diagnosis atau keadaan Insured itu disenaraikan di bawah keadaan perubatan yang dilindungi;
 - (b) Insured telah menjalani proses perundingan terdahulu sekurang-kurangnya dengan seorang pakar yang berkaitan dengan keadaan perubatan yang dilindungi tersebut; dan
 - (c) Diagnosis atau keadaan Insured tidak berada di bawah senarai pengecualian APMC.
- Senarai keadaan perubatan yang dilindungi di bawah PMCM adalah seperti berikut:

1) Masalah perubatan tanpa diagnosis. Peserta perlu telah mempunyai perundingan dan pertanyaan perubatan sebelum ini dengan sekurang-kurangnya seorang pakar dalam bidang yang berkaitan dengan masalah perubatan tersebut;	16) Rheumatologi / penyakit imunologi;
2) Kanser;	17) Penyakit berjangkit, termasuk HIV/AIDS;
3) Penyakit neurologi;	18) Pembedahan untuk masalah berdegkur yang teruk dan apnea tidur;
4) Penyakit telinga, hidung dan tekak (ENT);	19) Pembedahan Kosmetik / Estetik yang diperlukan dari segi perubatan;
5) Penyakit mata / masalah oftalmologi;	20) Penyakit atau prosedur berkaitan kesuburan;
6) Penyakit Kardiovaskular;	21) Penyakit obstetric;
7) Penyakit pernafasan;	22) Penyakit seksual / penyakit kelamin;
8) Penyakit gastroenterology;	23) Penyakit Pediatrik;
9) Penyakit hati;	24) Obesiti;
10) Penyakit buah pinggang;	25) Fasa pemulihan untuk strok;
11) Masalah urologi;	26) Fasa pemulihan untuk luka yang teruk akibat kebakaran;
12) Penyakit endokrin;	27) Masalah perubatan dalam bidang pergigian;
13) Penyakit ortopedik;	28) Patologi gabungan; dan
14) Penyakit hematologi;	29) Semua keadaan perubatan selain daripada yang disenaraikan dalam Pengecualian
15) Penyakit metabolic;	

- Perkhidmatan yang diterangkan di bawah perkhidmatan PMCM tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk senarai penuh manfaat, pengecualian, terma dan syarat.

Manfaat Tiket Penerbangan untuk Rawatan Luar Negara

- Sekiranya rawatan luar negara (di luar Malaysia) dicadangkan disebabkan terdapat kekurangan kepakaran tempatan dalam bidang yang berkaitan, dan anda membuat keputusan untuk menjalani rawatan tersebut, kami akan membayar balik kos tiket penerbangan Insured dan seorang peneman, pergi dan/atau balik dari lokasi rawatan tersebut sehingga had keseluruhan sebanyak RM10,000 seumur hidup.

Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan

- Apabila mencapai tahun polisi ke-25 dan polisi ini masih berkuatkuasa, pelan asas dan sebarang rider yang dilampirkan (kecuali A-Plus WaiverExtra, jika ada) akan terus berkuatkuasa selepas Tarikh Kematangan dengan Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan SEKIRANYA terdapat Nilai Akaun yang mencukupi untuk menolak COI serta yuran dan caj lain bagi pelan asas dan sebarang rider yang dilampirkan, sehingga umur 100 tahun Insured bagi pelan asas dan umur maksimum perlindungan mana-mana rider-rider yang dilampirkan. Polisi ini akan luput apabila Nilai Akaun telah habis digunakan.
- Peringatan tentang ciri ini akan dihantar kepada anda 90 hari sebelum Tarikh Kematangan polisi. Tempoh Sambungan Perlindungan Secara Automatik akan berkuat kuasa jika anda tidak memaklumkan AIA Bhd. untuk menarik diri daripada ciri ini. Anda boleh memaklumkan AIA Bhd. terlebih dahulu untuk menarik balik Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan sebelum mencapai tahun polisi ke-25. Sila ambil perhatian bahawa jika anda memilih untuk menarik balik Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan, pelan asas dan semua rider yang boleh dilampirkan, termasuk Amaun Health Wallet (jika berkenaan) akan tamat tempoh pada tahun polisi ke-25. Permohonan untuk Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan tidak dibenarkan selepas anda menarik balik Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan.
- Semasa Tempoh Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan, perlindungan yang disediakan oleh pelan asas dan sebarang rider yang dilampirkan akan tetap sama. Untuk kemampunan polisi yang berterusan, Premium A-Plus Saver atau Premium Tokok boleh digunakan untuk memastikan terdapat Nilai Akaun yang mencukupi untuk ditolak bagi COI serta yuran dan caj lain.
- Anda boleh merujuk kepada penyata kewangan tahunan untuk amaun tokok yang disyorkan, yang dikemaskini setiap tahun, untuk meningkatkan kemampuan polisi sehingga tempoh perlindungan sambungan. Anda juga boleh mempertimbangkan menambahkan premium anda dari masa ke masa untuk meningkatkan kemampuan dari polisi anda.

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang insurans perubatan dan kesihatan anda.



200701032867 (790895-D)

Tarikh: 12/22/2025

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**

PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI/ PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA Bhd. atau PIDM. (layari www.pidm.gov.my)

1 Apakah A-Plus Multi CriticalCare?

A-Plus Multi CriticalCare ialah Rider Penolakan Unit (UDR) yang menyediakan perlindungan bagi 36 penyakit kritikal peringkat lanjutan. Maksimum 3 tuntutan penyakit kritikal dibenarkan untuk dibuat daripada kumpulan penyakit kritikal yang berlainan. Hanya 1 tuntutan penyakit kritikal yang akan dibayar di bawah setiap kumpulan, kecuali untuk tuntutan Kanser, yang membenarkan sehingga 2 tuntutan.

2 Ketahui Perlindungan / Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, anda akan menerima **perlindungan** berikut:

Manfaat Penyakit Kritikal	RM100,000 ("Jumlah Diinsuranskan Rider")			
	Penyakit Kritikal	Pembayaran	Had Tuntutan	Nota-nota
	Kanser	125% daripada Jumlah Diinsuranskan Rider	Sehingga dua (2) tuntutan	Tertakluk kepada maksimum 3 tuntutan penyakit kritikal
	Penyakit kritikal lain – daripada kumpulan-kumpulan lain	100% daripada Jumlah Diinsuranskan Rider ¹	Sehingga tiga (3) tuntutan (termasuk tuntutan Kanser)	

¹ Bayaran untuk Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari adalah terhad kepada 10% daripada Jumlah Diinsuranskan Rider, tertakluk kepada maksimum RM25,000.

Penyakit kritikal yang dilindungi di bawah rider ini termasuk:

1. Kanser
2. Strok
3. Serangan Jantung

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila baca kontrak polisi anda untuk mendapatkan butiran tentang penyakit kritikal yang dilindungi.

Rider anda **tidak termasuk**:

- a) Keadaan Sedia Ada sebelum Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian;
- b) Kanser, Serangan Jantung, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Penyakit Arteri Koronari Serius, dan Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, dengan tanda-tanda atau gejala-gejala, yang pertama kali berlaku dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian;
- c) Semua penyakit kritikal lain dengan tanda-tanda atau gejala-gejala, yang pertama kali berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian;
- d) Penyakit kritikal yang didiagnosis dengan kehadiran sebarang Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV). Kami mungkin memerlukan Insured untuk menjalani ujian darah untuk HIV sebelum kami boleh meluluskan sebarang tuntutan;
- e) Penyakit kritikal yang didiagnosis secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh kecacatan kongenital atau penyakit yang ditunjukkan dengan jelas atau didiagnosis sebelum umur tujuh belas (17) tahun;
- f) Penyakit kritikal yang didiagnosis dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh diagnosis tuntutan penyakit kritikal terdahulu dan penyakit kritikal ini secara langsung atau tidak langsung berkaitan dengan tuntutan penyakit kritikal yang terdahulu;
- g) Diagnosis Kanser kedua adalah kurang daripada lima (5) tahun dari tarikh Kanser pertama Insured dianggap sembuh sepenuhnya dan disahkan oleh pakar perubatan atau Kanser kedua adalah di dalam lokasi tempat yang sama atau organ yang sama dengan Kanser Pertama. Untuk organ yang berkembar, hanya tuntutan peristiwa Kanser yang pertama pada organ tersebut boleh dibuat;
- h) Penyakit kritikal yang disebabkan oleh kecederaan yang dilakukan oleh diri sendiri; dan
- i) Penyakit kritikal jika Insured tidak hidup untuk sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari selepas didiagnosis penyakit kritikal.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk senarai pengecualian yang sepenuhnya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan pertolongan mengenai insurans perubatan dan kesihatan anda, anda boleh:



Hubungi kami di:

1300-88-1899 (Care Line)
03-2056 1111 (Tel.)



Lawat kami di:

<https://www.aia.com.my/bm/our-products/health-protection/critical-illness-protection/a-plus-multi-criticalcare.html>



E-mel kami di:

my.pdsenquiry@aia.com

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk rider anda, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Premium	Ini ialah Rider Penolakan Unit (UDR). Kos rider termasuk dalam premium pelan asas.
Tempoh: Sehingga akhir tempoh pembayaran premium pelan asas.	
Syarikat insurans memperuntukkan sebahagian daripada premium untuk membeli unit dalam dana pelaburan pilihan anda.	
Premium diperuntukkan untuk pembelian unit	Sila rujuk kepada Ilustrasi Jualan untuk butiran lanjut.
Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:	
Komisen	Ini ialah Rider Penolakan Unit (UDR). Kos rider termasuk dalam premium pelan asas.
Kos Insurans (COI)	COI ditolak setiap bulan daripada Nilai Akaun, dan ia biasanya meningkat apabila Insured semakin tua.

4 Terma Utama Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda berisiko untuk tuntutan anda ditolak atau polisi anda dibatalkan. - Pertukaran pelan – Mungkin tidak berfaedah untuk beralih dari satu pelan insurans ke yang lain, kerana anda mungkin tertakluk kepada keperluan pengunderaitan baru dan tempoh menunggu untuk polisi baru. - Tuntutan – Sila rujuk kepada web AIA Bhd. untuk memahami lebih lanjut mengenai prosedur tuntutan. - Kadar COI tidak dijamin dan boleh diubah dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis 3 bulan sebelumnya kepada pemilik polisi. Anda mungkin dikehendaki menambah premium sekiranya kadar COI meningkat. Tempoh Perlindungan: 25 tahun. - Rider ini disertakan dengan Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan. Sila rujuk Lampiran untuk maklumat lanjut. Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Anda mesti rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai terma-terma dan syarat-syarat yang sepenuhnya.	
--	--

? Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd.	
Tempoh Percubaan: Anda mempunyai hak untuk membatalkan rider dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd. Notis tersebut mesti diterima terus oleh AIA Bhd. dalam tempoh 15 hari selepas kontrak e-polisi anda disediakan di portal pelanggan AIA. Caj insurans yang mungkin telah ditanggung untuk rider ini akan dikembalikan kepada anda. Jika dalam permohonan anda, anda telah memilih untuk menerima salinan cetak kontrak polisi anda, notis tersebut mesti diberikan dalam tempoh 15 hari selepas anda menerima kontrak polisi anda. Selepas Tempoh Percubaan: Anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd. Rider ini tidak mempunyai sebarang nilai serahan apabila dibatalkan. Rider tersebut kemudiannya akan dibatalkan pada tarikh ulang tahun bulanan berikutnya.	



LAMPIRAN

PENERANGAN RIDER:

A-Plus Multi CriticalCare (APMCC)

- APMCC ialah Rider Penolakan Unit (UDR) yang menyediakan perlindungan bagi 36 penyakit kritikal peringkat lanjutan. Maksimum 3 tuntutan penyakit kritikal dibenarkan untuk dibuat daripada kumpulan penyakit kritikal yang berlainan. Hanya 1 tuntutan penyakit kritikal yang akan dibayar di bawah setiap kumpulan, kecuali untuk tuntutan Kanser, yang membenarkan sehingga 2 tuntutan.
- Sekiranya tuntutan dibuat untuk Transplan Organ Utama, tuntutan yang berikutnya tidak boleh dibuat untuk Transplan Organ Utama dari mana-mana salah satu daripada empat kumpulan Transplan Organ Utama (Kumpulan 1, 2, 4 dan 6) tidak kira sama ada ia adalah dari kumpulan penyakit kritikal yang sama atau berlainan.
- Jumlah diinsuranskan pelan asas TIDAK akan dikurangkan oleh pembayaran yang dibayar di bawah APMCC.
- Senarai 6 kumpulan penyakit kritikal yang dilindungi di bawah APMCC adalah seperti berikut:

Kumpulan	Penyakit Kritikal	% daripada Jumlah Diinsuranskan Rider
1	1) Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari	10% atau RM 25,000, yang mana lebih rendah. Terhad kepada 1 pembayaran sahaja. Baki jumlah diinsuranskan APMCC boleh dituntut oleh penyakit kritikal yang lain di bawah Kumpulan 1.
	2) Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	100%
	3) Serangan Jantung	
	4) Kegagalan Buah Pinggang	
	5a) Transplan Organ Utama (Buah Pinggang)	
	6) Strok / Angin Ahmar	
	7) Penyakit Arteri Koronari Serius	
	8) Penyakit Sistik Medular	
	9) Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk	
2	10) Kardiomiopati	100%
	11) Pembedahan Injap Jantung	
	5b) Transplan Organ Utama (Jantung)	
	12) Pembedahan Aorta	
3	13) Pembedahan Otak	100%
	14) Tumor Otak Benign	
	15) Buta – Kekal dan Tidak Boleh Pulih	
	16) Koma	
	17) Pekak – Kekal dan Tidak Boleh Pulih	
	18) Hilang Keupayaan Bertutur	
	19) Kelecuran Tahap Ketiga	
	20) Trauma Kepala Major (Teruk)	
4	21) Penyakit Paru-Paru Tahap Akhir	100%
	22) Kegagalan Hati Tahap Akhir	
	23) Hepatitis Viral Fulminan	
	5c) Transplan Organ Utama (Hati / Paru-paru / Pankreas)	
5	24) Hipertensi Arteri Pulmonari Primer	100%
	25) Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk	
	26) Meningitis Bakteria	
	27) Ensefalitis	
	28) Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)	
	29) Penyakit Neuron Motor	
	30) Sklerosis Multipel	
	31) Distrofi Otot	
	32) Kelumpuhan Anggota	
6	33) Penyakit Parkinson	125% (sehingga 2 tuntutan)
	34) Kanser	
	35) Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah	
	36) Anemia Aplastik Kronik	
	5d) Transplan Organ Utama (Sumsum Tulang)	100%

Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan

- Apabila mencapai tahun polisi ke-25 dan polisi ini masih berkuatkuasa, pelan asas dan sebarang rider yang dilampirkan (kecuali A-Plus WaiverExtra, jika ada) akan terus berkuatkuasa selepas Tarikh Kematangan dengan Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan SEKIRANYA terdapat Nilai Akaun yang mencukupi untuk menolak COI serta yuran dan caj lain bagi pelan asas dan sebarang rider yang dilampirkan, sehingga umur 100 tahun Insured bagi pelan asas dan umur maksimum perlindungan mana-mana rider-rider yang dilampirkan. Polisi ini akan luput apabila Nilai Akaun telah habis digunakan.
- Peringatan tentang ciri ini akan dihantar kepada anda 90 hari sebelum Tarikh Kematangan polisi. Tempoh Sambungan Perlindungan Secara Automatik akan berkuat kuasa jika anda tidak memaklumkan AIA Bhd. untuk menarik diri daripada ciri ini. Anda boleh memaklumkan AIA Bhd. terlebih dahulu untuk menarik balik Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan sebelum mencapai tahun polisi ke-25. Sila ambil perhatian bahawa jika anda memilih untuk menarik balik Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan, pelan asas dan semua rider yang boleh dilampirkan, termasuk Amaun Health Wallet (jika berkenaan) akan tamat tempoh pada tahun polisi ke-25. Permohonan untuk Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan tidak dibenarkan selepas anda menarik balik Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan.
- Semasa Tempoh Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan, perlindungan yang disediakan oleh pelan asas dan sebarang rider yang dilampirkan akan tetap sama. Untuk kemampanan polisi yang berterusan, Premium A-Plus Saver atau Premium Tokok boleh digunakan untuk memastikan terdapat Nilai Akaun yang mencukupi untuk ditolak bagi COI serta yuran dan caj lain.
- Anda boleh merujuk kepada penyata kewangan tahunan untuk amaun tokok yang disyorkan, yang dikemaskini setiap tahun, untuk meningkatkan kemampuan polisi sehingga tempoh perlindungan sambungan. Anda juga boleh mempertimbangkan menambahkan premium anda dari masa ke masa untuk meningkatkan kemampanan dari polisi anda.

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,
Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang insurans perubatan dan kesihatan anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**

200701032867 (790895-D)

Tarikh: 12/22/2025

PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI/ PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA Bhd. atau PIDM. (layari www.pidm.gov.my)

1 Apakah A-Plus Recover?

A-Plus Recover ialah Rider Pembayaran Premium yang menyediakan Manfaat Hospitalisasi Berpanjangan. Tambahan pula, ia juga menawarkan Manfaat Booster Had Tahunan jika A-Plus Health 2 dilampirkan.

2 Ketahui Perlindungan / Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, anda akan menerima perlindungan berikut:	
Manfaat Hospitalisasi Berpanjangan	RM100,000 ("Jumlah Diinsuranskan Rider") Jumlah Diinsuranskan Rider akan dibayar sekaligus sekiranya Insured: (a) kemasukan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) di hospital disebabkan oleh sebarang hilang upaya untuk tempoh sekurang-kurangnya 5 hari berturut-turut; atau (b) kemasukan ke hospital dengan tujuan untuk menerima rawatan perubatan untuk tempoh sekurang-kurangnya 15 hari berturut-turut, di mana hospitalisasi harus berserta dengan pembedahan atau akibat jangkitan. Maksimum 2 tuntutan dibenarkan dibuat untuk manfaat ini.
Manfaat Booster Had Tahunan	Had tahunan A-Plus Health 2 akan ditingkatkan dengan amaun tambahan setaraf dengan 10 kali dari Jumlah Diinsuranskan Rider A-Plus Recover.

Rider anda **tidak termasuk**:

Sebarang kemasukan ke hospital disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu daripada kejadian berikut:

- Penyakit Sedia Ada sebelum Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian;
- Rawatan atau Pembedahan untuk Penyakit Tertentu sehingga Insured telah diinsuranskan secara berterusan di bawah Kontrak Tambahan Hospitalisasi berkaitan untuk tempoh seratus dua puluh (120) hari sebaik sahaja sebelum rawatan atau Pembedahan tersebut;
- Sebarang keabnormalan perubatan atau fizikal yang wujud pada masa kelahiran, serta keabnormalan fizikal neonatal yang wujud dalam tempoh enam (6) bulan dari masa kelahiran;
- Sebarang Hilang Upaya yang diakibatkan oleh kemusnahan diri, kecederaan diri yang disengajakan, pendedahan kepada bahaya secara sengaja atau sebarang cubaan memusnahkan diri dalam keadaan siuman atau tidak siuman;
- Sebarang Hilang Upaya yang diakibatkan oleh peperangan, sama ada diisytiharkan ataupun tidak, mogok, rusuhan, perang saudara, revolusi atau sebarang operasi ketenteraan;
- Berkhidmat dalam angkatan bersenjata semasa peperangan yang diisytiharkan ataupun tidak diisytiharkan atau semasa di bawah perintah untuk operasi ketenteraan atau pemulihan ketenteraman awam;
- Sebarang pelanggaran atau cubaan untuk melanggar undang-undang atau menentang daripada ditahan;
- Kehamilan, kelahiran anak, keguguran, pengguguran atau penamatan kehamilan, atau sebarang bentuk penginapan yang berkaitan di hospital atau rawatan;
- Kemandulan, kesuburan, konsepsi bantuan, disfungsi erektal, mati pucuk atau sebarang rawatan kontraseptif;
- Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS), kompleks yang berkaitan dengan AIDS atau jangkitan oleh Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV). Kami mungkin memerlukan Insured untuk menjalani ujian darah untuk HIV sebelum kami boleh meluluskan sebarang tuntutan;
- Rawatan penyakit menular seksual;
- Pembedahan tukar jantina;
- Penyakit mental atau penyakit saraf, rawatan ketagihan arak, atau penyalahgunaan dadah atau sebarang komplikasi lain yang timbul daripadanya atau sebarang pengambilan dadah secara tidak sengaja yang tidak dipreskripsikan oleh Doktor yang merawat;
- Pembedahan elektif/plastik/kosmetik (kecuali Pembedahan Elektif atau Plastik atau Kosmetik disebabkan oleh Kemalangan atau Kanser), khatan (kecuali khatan akibat jangkitan), pemeriksaan mata / pembedahan elektif untuk kecacatan penglihatan akibat keterlihatan, penglihatan atau astigmatisme atau radang keratotomy;
- Sebarang bentuk rawatan atau Pembedahan pergigian termasuk penggantian gigi asal, penggantian gigi palsu dan perkhidmatan prostetik seperti titian gigi ("bridges") dan korona ("crowns") atau penggantianannya, melainkan jika keperluan Kecederaan;
- Hospitalisasi terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Hilang Upaya yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, vitamin/makanan tambahan dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan;
- Sebarang rawatan atau siasatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan, atau penyembuhan, penjagaan atau rehat pulih;
- Sebarang kemasukan untuk tujuan pemerhatian dan tidak memerlukan sebarang rawatan;
- Eksperimen atau perintah teknik perubatan atau pembedahan dan peranti perubatan tidak diluluskan dan ujian perubatan untuk produk perubatan sama ada kajian ini mempunyai sijil percubaan klinikal atau tidak;
- Rawatan alternatif atau komplementari, termasuk perubatan tradisional Cina (TCM) atau tinggal di sebarang penubuhan penjagaan kesihatan atas sebab-sebab sosial atau bukan perubatan;
- Sebarang keadaan perubatan atau fizikal yang timbul dalam tempoh enam puluh (60) hari pertama dari Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula Kontrak Tambahan A-Plus Recover, yang mana kemudian, kecuali Kecederaan Dilindungi;
- Radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuklear;
- Rawatan Perubatan di luar negara (kecuali Singapura dan Brunei);
- Insured tidak hidup untuk sekurang-kurangnya lima belas (15) hari selepas keluar dari Hospital.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk senarai pengecualian yang sepenuhnya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan pertolongan mengenai insurans perubatan dan kesihatan anda, anda boleh:



Hubungi kami di:

1300-88-1899 (Care Line)
03-2056 1111 (Tel.)



Lawat kami di:

<https://www.aia.com.my/bm/our-products/health-protection/medical-protection/a-plus-recover.html>



E-mel kami di:

my.pdsenquiry@aia.com

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk rider anda, anda mesti membayar premium sebanyak:

Premium	Ini ialah Rider Penolakan Unit (UDR). Kos rider termasuk dalam premium pelan asas.
Tempoh: Sehingga akhir tempoh pembayaran premium pelan asas.	
Syarikat insurans memperuntukkan sebahagian daripada premium untuk membeli unit dalam dana pelaburan pilihan anda.	
Premium diperuntukkan untuk pembelian unit	Sila rujuk kepada Ilustrasi Jualan untuk butiran lanjut.
Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:	
Komisen	Ini ialah Rider Penolakan Unit (UDR). Kos rider termasuk dalam premium pelan asas.
Kos Insurans (COI)	COI ditolak setiap bulan daripada Nilai Akaun, dan ia biasanya meningkat apabila Insured semakin tua.

4 Terma Utama Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda berisiko untuk tuntutan anda ditolak atau polisi anda dibatalkan.
- Pertukaran pelan – Mungkin tidak berfaedah untuk beralih dari satu pelan insurans ke yang lain, kerana anda mungkin tertakluk kepada keperluan pengunderaitan baru dan tempoh menunggu untuk polisi baru.
- Tuntutan – Sila rujuk kepada web AIA Bhd. untuk memahami lebih lanjut mengenai prosedur tuntutan.
- Kadar COI tidak dijamin dan boleh diubah dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis 30 hari sebelumnya kepada pemilik polisi. Anda mungkin dikehendaki menambah premium sekiranya kadar COI meningkat.
- Tempoh Perlindungan:** 25 tahun.
- Rider ini disertakan dengan Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan. Sila rujuk Lampiran untuk maklumat lanjut.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda mesti rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai terma-terma dan syarat-syarat yang sepenuhnya.

? Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd.

- Tempoh Percubaan:** Anda mempunyai hak untuk membatalkan rider dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd. Notis tersebut mesti diterima terus oleh AIA Bhd. dalam tempoh 15 hari selepas kontrak e-polisi anda disediakan di portal pelanggan AIA. Caj insurans yang mungkin telah ditanggung untuk rider ini akan dikembalikan kepada anda. Jika dalam permohonan anda, anda telah memilih untuk menerima salinan cetak kontrak polisi anda, notis tersebut mesti diberikan dalam tempoh 15 hari selepas anda menerima kontrak polisi anda.
- Selepas Tempoh Percubaan:** Anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd. Rider ini tidak mempunyai sebarang nilai serahan apabila dibatalkan. Rider tersebut kemudiannya akan dibatalkan pada tarikh ulang tahun bulanan berikutnya.



LAMPIRAN

PENERANGAN RIDER:

A-Plus Recover (APRC)

- A-Plus Recover ialah Rider Pembayaran Premium yang menyediakan Manfaat Hospitalisasi Berpanjangan. Tambahan pula, ia juga menawarkan Manfaat Booster Had Tahunan jika A-Plus Health 2 dilampirkan.

Manfaat Hospitalisasi Berpanjangan

- 100% daripada Jumlah Diinsuranskan APR akan dibayar sekali gus sekiranya Insured memenuhi syarat berikut:
 - (i) Kemasukan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) di hospital disebabkan oleh sebarang hilang upaya untuk tempoh sekurang-kurangnya 5 hari berturut-turut; atau
 - (ii) Kemasukan ke Hospital dengan tujuan untuk menerima rawatan perubatan untuk tempoh sekurang-kurangnya 15 hari berturut-turut, di mana hospitalisasi harus berserta dengan pembedahan atau akibat jangkitan.
- Untuk layak mendapat Manfaat Hospitalisasi Berpanjangan, hospitalisasi dan tempoh penginapan sedemikian harus dianggap Perlu Dari Segi Perubatan oleh doktor yang merawat.
- Manfaat Hospitalisasi Berpanjangan ini membolehkan tuntutan sehingga maksimum 200% dari Jumlah Diinsuranskan Rider. Setelah tuntutan Manfaat Hospitalisasi Berpanjangan telah dibayar Jumlah Diinsuranskan Rider akan disetkan semula selepas (1) tahun dari tarikh discaj di hospital dimana Jumlah Diinsuranskan Rider terakhir dibayar.
- APRC akan ditamatkan selepas 200% daripada Jumlah Diinsuranskan Rider telah dibayar.
- Jika kemasukan hospital oleh Insured untuk sebarang hilang upaya memenuhi kedua-dua syarat (i) dan (ii) seperti yang dinyatakan di atas, hanya satu (1) tuntutan akan dibayar.
- Jumlah diinsuranskan pelan asas tidak akan dikurangkan oleh pembayaran yang dibuat di bawah APRC.

Manfaat Booster Had Tahunan

- Had Tahunan A-Plus Health 2 akan ditingkatkan dengan amaun tambahan setaraf dengan 10 kali dari Jumlah Diinsuranskan Rider APRC.

Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan

- Apabila mencapai tahun polisi ke-25 dan polisi ini masih berkuatkuasa, pelan asas dan sebarang rider yang dilampirkan (kecuali A-Plus WaiverExtra, jika ada) akan terus berkuatkuasa selepas Tarikh Kematangan dengan Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan SEKIRANYA terdapat Nilai Akaun yang mencukupi untuk menolak COI serta yuran dan caj lain bagi pelan asas dan sebarang rider yang dilampirkan, sehingga umur 100 tahun Insured bagi pelan asas dan umur maksimum perlindungan mana-mana rider-rider yang dilampirkan. Polisi ini akan luput apabila Nilai Akaun telah habis digunakan.
- perkhidmatan dalam angkatan tentera pada masa perang yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan atau semasa di bawah arahan untuk operasi perang atau pemulihan ketenteraman awam;
- aktiviti yang berkaitan dengan mana-mana peranti udara atau pengangkutan kecuali sebagai penumpang atau anak kapal yang membayar tambang pada syarikat penerbangan komersial dalam perjalanan penumpang berjadual biasa melalui laluan penumpang yang ditetapkan;
- sebarang kecacatan kongenital yang telah nyata atau didiagnosis sebelum umur 17 tahun;
- ketidakupayaan sedia ada akibat daripada keadaan fizikal atau mental.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai pengecualian yang sepenuhnya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan pertolongan mengenai insurans berkaitan pelaburan anda, anda boleh:



Hubungi kami di:

1300-88-1899 (Care Line)
03-2056 1111 (Tel.)



Lawat kami di:

<https://www.aia.com.my/bm/help-support/contact-us.html>



E-mel kami di:

my.pdsenquiry@aia.com

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk insurans berkaitan pelaburan anda, anda mesti membayar premium sebanyak:

Premium	Ini ialah rider penolakan unit. Kos rider ini adalah termasuk dalam premium pelan asas.
---------	---

Tempoh: Sehingga akhir tempoh pembayaran premium pelan asas.

Syarikat insurans akan memperuntukkan sebahagian daripada premium untuk membeli unit dalam dana / dana-dana pelaburan pilihan anda.

Premium diperuntukkan untuk membeli unit	Sila rujuk Ilustrasi Jualan untuk maklumat lanjut.
--	--

Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:

Komisen	Ini ialah rider penolakan unit. Kos rider ini adalah termasuk dalam premium pelan asas.
---------	---

Kos Insurans (COI)	COI ditolak setiap bulan daripada Nilai Akaun dan ia secara amnya meningkat apabila umur Insured meningkat.
--------------------	---

4 Terma Utama Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko untuk tuntutan anda ditolak atau polisi ditamatkan / dibatalkan.
- Kadar COI, yuran-yuran serta caj-caj lain bagi produk ini adalah tidak dijamin dan mungkin berbeza dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis 3 bulan kepada pemilik polisi. Anda dikehendaki untuk membayar premium pokok jika kadar COI, yuran-yuran serta caj-caj lain meningkat.
- Tempoh Perlindungan:** 25 tahun.
- Rider ini dilengkapi dengan Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan. Anda harus merujuk kepada Lampiran untuk maklumat lanjut.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda harus merujuk kepada kontrak polisi untuk terma-terma yang sepenuhnya.



Bolehkan saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd.

- **Tempoh Percubaan:** Anda mempunyai hak untuk membatalkan rider dengan memberi AIA Bhd. notis bertulis yang ditandatangani oleh anda. Notis tersebut mesti diterima secara langsung oleh AIA Bhd. dalam tempoh 15 hari selepas kontrak e-polisi anda yang disediakan di portal pelanggan AIA. Premium yang telah anda bayar (tolak sebarang caj perubatan yang dikenakan) untuk rider ini akan dikembalikan kepada anda. Jika dalam permohonan anda, anda memilih untuk menerima salinan kontrak polisi anda, notis tersebut mesti dibuat dalam masa 15 hari selepas anda menerima kontrak polisi anda
- **Setelah Tempoh Percubaan:** Anda boleh membatalkan rider ini dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd. Rider ini tidak mempunyai sebarang nilai penyerahan semasa pembatalan. Rider kemudiannya akan dibatalkan pada tarikh ulang tahun bulanan seterusnya



LAMPIRAN

PENERANGAN RIDER

A-Plus DisabilityCash (APDH)

- APDH adalah Rider Penolakan Unit (UDR) yang memberi bayaran tahunan sebanyak sekiranya berlaku TPD.
- Perlindungan bagi APDH adalah sehingga umur Insured 70 tahun atau tamat tempoh pelan asas, yang mana lebih awal.
- Bayaran tahunan pertama akan bermula pada ulang tahun polisi pertama berikutan tarikh permulaan TPD
- Bayaran tahunan akan dibayar sehingga berlakunya kejadian-kejadian berikut yang mana lebih awal:
 - kematian Insured; atau
 - Insured tidak lagi menderita daripada TPD; atau
 - Insured mencapai umur 75 Tahun.
- Jumlah diinsuranskan pelan asas tidak akan dikurangkan oleh bayaran yang dibayar di bawah APDH.

Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan

- Apabila Insured mencapai tahun polisi Ke-25 dan polisi ini masih berkuatkuasa, pelan asas dan sebarang rider yang dilampirkan (kecuali A-Plus WaiverExtra, jika ada) akan terus berkuatkuasa selepas Tarikh Kematangan dengan Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan SEKIRANYA terdapat Nilai Akaun yang mencukupi untuk menolak COI dan yuran-yuran dan caj-caj pelan asas dan sebarang rider yang dilampirkan, sehingga umur Insured 100 tahun bagi pelan asas dan umur maksimum perlindungan mana-mana rider-rider yang dilampirkan. Polisi ini akan luput apabila Nilai Akaun telah habis digunakan.
- Peringatan Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan ini akan dihantar kepada anda 90 hari sebelum Tarikh Kematangan asal polisi. Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan akan berkuatkuasa jika anda tidak memaklumkan AIA Bhd. untuk menarik diri daripada Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan ini. Anda boleh memaklumkan AIA Bhd. terlebih dahulu untuk menarik balik Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan sebelum mencapai tahun polisi Ke-25. Sila ambil perhatian bahawa jika anda pilih untuk menarik balik Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan, pelan asas dan semua rider yang dilampirkan termasuk sebarang Amaun Health Wallet daripada rider/rider-rider perubatan akan tamat tempoh pada tahun polisi Ke-25. Sebarang permohonan untuk Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan adalah tidak dibenarkan selepas anda menarik diri daripadanya.
- Semasa Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan, perlindungan yang disediakan oleh pelan asas dan sebarang rider yang dilampirkan akan kekal sama. Untuk kemampunan berterusan polisi, premium A-Plus Saver atau Tokok premium boleh digunakan untuk memastikan bahawa terdapat Nilai Akaun yang mencukupi untuk memotong COI dan yuran-yuran dan caj-caj.
- Anda boleh merujuk kepada penyata kewangan tahunan untuk amaun tokok yang disyorkan, yang dikemaskini setiap tahun, untuk meningkatkan kemampuan polisi sehingga Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan. Anda juga boleh mempertimbangkan menambahkan premium anda dari masa ke masa untuk meningkatkan kemampunan dari polisi anda.



LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

KETAHUI LEBIH LANJUT:



Lembaran Pendedahan Produk (PDS) menyediakan beberapa maklumat penting yang anda perlu pertimbangkan sebelum membeli polisi insurans perubatan yang paling sesuai dengan keperluan anda. Anda perlu membaca kontrak polisi insurans anda dengan teliti untuk maklumat lengkap tentang perlindungan anda

Langkah 1 Adakah polisi ini sesuai untuk anda?

- A-Plus Health 2 (APH2) membayar perbelanjaan bagi penghospitalan dan pembedahan ("H&S") yang dikenakan disebabkan penyakit-penyakit yang dilindungi di bawah polisi ini sehingga tahun ke-25.
- Unit-unit akan ditolak daripada nilai akaun berkaitan pelaburan ke dalam dana risiko insurans untuk membayar kos insurans (COI). COI anda akan dikumpulkan bersama dengan COI pemilik polisi lain untuk membayar tuntutan. Jika jumlah tuntutan yang dibayar daripada dana COI adalah tinggi, COI untuk semua pemilik polisi mungkin akan meningkat, termasuk COI anda walaupun anda tidak membuat sebarang tuntutan.

Langkah 2 Adakah ia memenuhi keperluan anda?

Apa yang dilindungi?

- Bilik & Penginapan Hospital: RM 300
 - Yuran Pembedahan: Seperti Caj yang dikenakan
- Pembayaran manfaat adalah "cashless" (bagi panel Hospital AIA) / bayar dahulu, tuntutan kemudian (bagi hospital bukan panel) dan tertakluk kepada:
- Had Tahunan: RM1,700,000
 - Had Seumur Hidup: Tiada had

Apa yang tidak dilindungi?

- Keadaan perubatan yang anda pernah ada, atau simptomnya yang anda pernah ada, sebelum membeli pelan ini (i.e. penyakit sedia ada)
- Penyakit Tertentu (contoh: hipertensi, diabetes) yang berlaku dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari dari tarikh berkuatkuasa polisi
- Keabnormalan perubatan atau fizikal yang wujud pada masa kelahiran atau yang wujud dalam tempoh enam (6) bulan dari masa kelahiran (contoh: segala jenis hernia dan epilepsi)

Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila baca kontrak polisi anda dengan teliti untuk maklumat penuh tentang apa yang dilindungi dan tidak dilindungi.

Langkah 3 Adakah anda mampu membayar kos insurans (COI) yang meningkat dari masa ke masa?

Jadual Unjuran COI


Umur	COI semasa apabila mencapai umur (RM)	Anggaran COI	
		Berdasarkan inflasi perubatan sebanyak 7% ¹ setahun (RM)	Berdasarkan inflasi perubatan sebanyak 10% setahun (RM)
30	1,161		
35	1,407	1,973	2,266
40	1,460	2,872	3,787
45	1,723	4,754	7,197
50	2,003	7,751	13,475

Bagi jangka masa yang panjang, anda boleh mengurangkan COI yang perlu dibayar dengan memilih pelan-pelan dengan:

- Deduktibel yang lebih tinggi.
- Ko-insurans yang lebih tinggi.
- Had tahunan yang lebih rendah.
- SMART Option.

- Unjuran di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
- Kadar COI adalah dipengaruhi oleh kenaikan kos rawatan dan pertambahan penggunaan perkhidmatan kesihatan oleh pemilik-pemilik polisi. Ini boleh menyebabkan kadar inflasi perubatan yang sebenar menjadi lebih tinggi atau lebih rendah berbanding ilustrasi di atas. Kami giat mengambil langkah-langkah pengawalan kos yang perlu dengan kerjasama daripada pihak-pihak berkepentingan yang lain untuk mengawal kenaikan COI.
- COI yang perlu anda bayar adalah berdasarkan inflasi perubatan yang sebenar bagi pelan yang anda beli. Akibat inflasi perubatan, kadar COI semasa mungkin tidak mencukupi untuk membuat bayaran tuntutan masa hadapan.

¹ Ini adalah peningkatan tahun ke tahun dalam purata kos rawatan berdasarkan bil yang dikeluarkan oleh hospital kepada industri insurans dan takaful dari tahun 2020 ke 2023.



Sekarang: COI mencukupi untuk membayar Tuntutan dan Keuntungan.

Akan datang: Akibat inflasi perubatan, Premium mungkin tidak mencukupi untuk membayar Tuntutan dan Keuntungan

Nota: Carta ini tidak dilukis mengikut skala

Langkah 4 Apakah perkara lain yang anda perlu ketahui?

- Anda perlu menjawab soalan yang kami berikan dengan sepenuhnya dan dengan tepat. Kegagalan dalam menjawab soalan dengan teliti mungkin akan menyebabkan tuntutan anda ditolak atau kontrak polisi anda ditamatkan.
- Sekiranya anda ingin membatalkan rider ini, anda boleh memberi notis bertulis untuk membatalkan rider ini kepada kami. Selepas pembatalan, pembatalan rider akan berkuatkuasa pada ulang tahun bulan yang seterusnya.
- Perlindungan anda hanya akan bermula tiga puluh (30) hari kalendar selepas tarikh berkuatkuasa polisi ini. Walau bagaimanapun, bagi penyakit-penyakit atau keadaan-keadaan tertentu, perlindungan hanya akan bermula sehingga 120 hari kalendar selepas tarikh berkuatkuasa polisi ini.
- Komisen yang dibayar kepada Perancang Hayat AIA anda membentuk sebahagian daripada premium anda untuk polisi anda. Sila merujuk kepada Ilustrasi Jualan untuk maklumat lanjut.

Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila baca kontrak polisi anda dengan teliti untuk maklumat penuh berkenaan terma-terma dan syarat-syarat utama.

Langkah 5 Sudahkah anda pertimbangkan produk lain yang mungkin sesuai dengan keperluan anda?

Jadual Pilihan Produk

Produk yand Dicadangkan		Pilihan Alternatif Produk	
Nama	A-Plus Health 2 Pelan 300 (bersama A-LifeLink 2)	Pilihan 1 A-Life MediFlex Pelan 350	Pilihan 2 A-Life MediFlex Pelan 180
Premium Tahunan	RM8,000.00 Termasuk premium tahunan bagi A-LifeLink 2 dan premium tambahan yang dikenakan akibat piawaian yang lebih tinggi daripada biasa bagi Pengkadaran Perubatan / Pengkadaran Pekerjaan, jika berkenaan.	RM1,498.00 Premium tahunan adalah RM6,502.00 lebih rendah (Termasuk premium tambahan yang dikenakan akibat piawaian yang lebih tinggi daripada biasa bagi Pengkadaran Perubatan / Pengkadaran Pekerjaan, jika berkenaan)	RM1,300.00 Premium tahunan adalah RM6,700.00 lebih rendah (Termasuk premium tambahan yang dikenakan akibat piawaian yang lebih tinggi daripada biasa bagi Pengkadaran Perubatan / Pengkadaran Pekerjaan, jika berkenaan)
Jenis	Fasiliti "cashless" (bagi panel AIA) 'Kami membuat bayaran terus ke hospital' atau Bayar dahulu, tuntutan kemudian (bagi bukan panel) 'Anda buat pembayaran untuk rawatan terlebih dahulu dan kemudian tuntutan bayaran balik daripada kami'	Fasiliti "cashless" (bagi panel AIA) 'Kami membuat bayaran terus ke hospital' atau Bayar dahulu, tuntutan kemudian (bagi bukan panel) 'Anda buat pembayaran untuk rawatan terlebih dahulu dan kemudian tuntutan bayaran balik daripada kami'	Fasiliti "cashless" (bagi panel AIA) 'Kami membuat bayaran terus ke hospital' atau Bayar dahulu, tuntutan kemudian (bagi bukan panel) 'Anda buat pembayaran untuk rawatan terlebih dahulu dan kemudian tuntutan bayaran balik daripada kami'
Tempoh Perlindungan	25 tahun 'Pembaharuan adalah dijamin tetapi kadar premium adalah tidak dijamin'	Sehingga umur 100 tahun 'Pembaharuan adalah dijamin tetapi kadar premium adalah tidak dijamin'	Sehingga umur 100 tahun 'Pembaharuan adalah dijamin tetapi kadar premium adalah tidak dijamin'
Ko-Insurans/ Deduktibel	RM500 Deduktibel dengan SMART Option bagi setiap hilang upaya	RM500 Deduktibel bagi setiap hilang upaya	5% Ko-Insurans sehingga RM20,000 bagi setiap tahun polisi
Bilik & Penginapan Hospital	RM300 sehari	RM350 sehari	RM180 sehari
Yuran Pembedahan	Seperti caj yang dikenakan	Seperti caj yang dikenakan	Seperti caj yang dikenakan
Had Tahunan	RM1,700,000	RM350,000	RM180,000
Had Seumur Hidup	Tiada had	Tiada had	Tiada had

- **Deduktibel:** Jumlah tetap yang anda perlu bayar sebelum perlindungan sebenar pelan anda bermula. Contoh: Deduktibel RM500 bermaksud anda perlu membayar RM500 sendiri dan kami akan membayar baki selebihnya. (sehingga had yang berkenaan).
- **Ko-Insurans:** Peratusan tetap daripada caj perubatan yang anda perlu bayar. Contoh: 5% Ko-Insurans bermaksud anda hanya perlu membayar 5% daripada setiap bil perubatan (sehingga had yang berkenaan), dan kami akan membayar 95%.
- **Had tahunan:** Jumlah maksimum yang anda boleh tuntutan dalam setahun.
- **Had seumur hidup:** Jumlah maksimum yang anda boleh tuntutan seumur hidup anda.
- **COI, yuran-yuran dan caj-caj adalah tidak dijamin:** Sekiranya ada peningkatan COI, yuran-yuran, atau caj-caj, anda perlu membayar premium tambahan. Amaun-amaun ini mungkin disemak dari masa ke masa, notis bertulis akan diberikan kepada anda sekurang-kurangnya 30 hari sebelum ulang tahun polisi anda. Sebarang peningkatan akan memerlukan premium tambahan untuk mengekalkan perlindungan anda.

Jadual ini tidak menunjukkan semua ciri-ciri produk yang dibandingkan. Anda boleh meminta maklumat lanjut tentang perbezaan ciri-ciri produk ini pada kami atau Perancang Hayat AIA anda.

PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI/PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Sila rujuk Lampiran untuk Jadual Manfaat dan syarat-syarat dan terma-terma yang lain.



LAMPIRAN

PENERANGAN RIDER:

A-Plus Health 2 (APH2)

- APH2 adalah Rider Penolakan Unit (UDR) yang menyediakan perlindungan perubatan yang komprehensif sehingga tamat tempoh pelan asas.
- Sekiranya terdapat penerimaan Rawatan Hospitalisasi atau Pesakit Luar akibat penyakit atau kecederaan, APH2 akan memberikan perlindungan mengikut manfaat yang disenaraikan dalam Jadual Manfaat di bawah.

Jadual Manfaat:

No.	Had Manfaat	Pelan 300
Had Tahunan (terpakai kepada perkara no. 1 hingga 12)		1,700,000
Had Seumur Hidup		Tiada Had
Pilihan Penjimatan Kos	RM500 Deduktibel (terpakai kepada perkara no. 1 hingga 3) [dengan SMART Option^] bagi setiap Hilang Upaya Penjimatan Kos tidak akan digunakan pada: - Rawatan Kecemasan, termasuk kes Kemalangan; - Manfaat Rawatan Selepas Hospitalisasi untuk Kanser dan Dialisis Buah Pinggang; atau; - Rawatan yang didapat di Fasiliti Penjagaan Kesihatan Kerajaan. ^ RM500 Deduktibel (terpakai untuk perkara no. 1 hingga 3) plus 20% Ko-insurans (terpakai untuk perkara no.1 hingga 5 dan no. 7) bagi setiap hilang upaya sehingga RM20,000 akan dicaj pada Perbelanjaan Layak mengikut situasi berikut: - Tiada rujukan daripada Pengamal Am (GP), kecuali Rawatan Kecemasan; atau - Tiada rundingan daripada Doktor Pakar, kecuali Rawatan Kecemasan; atau - Perbelanjaan Layak yang ditanggung bukan daripada rawatan yang diterima daripada Pengamal Perubatan SMART di Panel Pembekal SMART. Nota: 1. Panel Pembekal SMART bermaksud rangkaian Klinik panel terpilih, Pusat Prosedur Harian, Hospital dan Penyedia Penjagaan Kesihatan Berdaftar Secara Sah yang boleh digunakan untuk polisi dengan perlindungan perubatan yang mempunyai SMART Option. Pengamal Perubatan SMART bermaksud rangkaian Doktor, Pengamal Am, Pakar Perubatan, Doktor Pakar atau Pakar Bedah terpilih yang terpakai untuk polisi dengan perlindungan perubatan yang mempunyai SMART Option. Untuk senarai Panel Pembekal SMART dan Pengamal Perubatan SMART yang terkini, sila rujuk panel locater yang boleh didapati di laman web / portal pelanggan AIA. 2. Rawatan Kecemasan bermaksud rawatan perubatan segera / rawatan yang diperlukan untuk memelihara nyawa atau anggota badan untuk penyakit, kecederaan atau kecacatan yang tiba-tiba dan teruk yang akan mengancam nyawa atau membawa kepada kemerosotan kesihatan yang serius.	
	Penjagaan Pesakit Dalam	
1	Manfaat Bilik dan Penginapan Hospital (tiada bilangan maksimum hari bagi setiap tahun rider dan maksimum harian untuk tidak melebihi jumlah yang ditunjukkan)	300
2	Manfaat Unit Rawatan Rapi (tiada bilangan maksimum hari bagi setiap tahun rider)	Seperti caj yang dikenakan, tertakluk kepada Had Tahunan
3	Yuran-yuran Dalam Hospital Yang Berkaitan i. Bekalan dan Perkhidmatan Hospital ii. Manfaat Yuran Pembedahan iii. Manfaat Yuran Bilik Pembedahan iv. Manfaat Yuran Pakar Bius v. Manfaat Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (maksimum 2 lawatan sehari bagi setiap Pakar Perubatan) vi. Manfaat Penjagaan Harian (digunakan untuk kedua-dua anak muda dan orang tua)	

No.	Had Manfaat		Pelan 300
Penjagaan Pesakit Luar			
4	Manfaat Pra Hospitalisasi (dalam tempoh 90 hari sebelum Hospitalisasi) i. Manfaat Ujian Diagnostik ii. Manfaat Rundingan iii. Manfaat Perubatan dan Rawatan		Seperti caj yang dikenakan, tertakluk kepada Had Tahunan
5	Manfaat Rawatan Selepas Hospitalisasi i. Manfaat Ujian Diagnostik ii. Manfaat Rundingan Doktor Pakar iii. Manfaat Perubatan dan Rawatan (termasuk Fisioterapi, Kiropraktik dan Akupunktur)	Keadaan-keadaan Tidak Serius	Seperti caj yang dikenakan, tertakluk kepada Had Tahunan (dalam tempoh 180 hari selepas keluar dari Hospitalisasi)
		Keadaan-keadaan Serius	Seperti caj yang dikenakan, tertakluk kepada Had Tahunan (dalam tempoh 365 hari selepas keluar dari Hospitalisasi)
6	Manfaat Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar dan Manfaat Rawatan Kanser Pesakit Luar		Seperti caj yang dikenakan, tertakluk kepada Had Tahunan
7	Manfaat Prosedur Harian dan Pembedahan		
8	Rawatan kecemasan Pesakit Luar Akibat Kemalangan (termasuk pergigian) dan Rawatan Susulan selama 30 hari		
Penjagaan Tambahan			
9	Bantuan Optikal - Kanta Intraokular		Sehinga 7,000 seumur hidup, tertakluk kepada Had Tahunan
10	Manfaat Komplikasi Bersalin Tertentu		Sehingga 10,000 seumur hidup, tertakluk kepada Had Tahunan
11	Manfaat Rawatan Pesakit Luar i. Bronkitis ii. Demam Denggi iii. Influenza iv. Radang paru-paru		Sehingga 3,000 bagi setiap Hilang Upaya, tertakluk kepada Had Tahunan.
12	Manfaat Penjagaan Kejururawatan di Rumah (180 hari maksimum seumur hidup)		Sehingga 6,000 bagi setiap berpantang, tertakluk kepada Had Tahunan.
13	Pemindahan dan Penghantaran Pulang Perubatan Kecemasan		Sehingga USD 1,000,000 setiap kejadian
Health Wallet			
Amaun No-Claim Bonus Tahunan (terpakai kepada perkara no. 14 hingga 18)		1,700	
		Jumlah di atas akan dikreditkan ke Health Wallet setiap akhir tahun rider, dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat kepada no. 1 hingga 12 dengan serta merta dalam tahun sebelumnya, sebanyak 10 kali	
14	Manfaat Pencegahan i. Pemeriksaan Kesihatan ii. Pemvaksinan		Bagi Manfaat Pemeriksaan Kesihatan - Sehingga RM500 bagi setiap tahun rider, tolak sebarang amaun yang perlu dibayar untuk vaksinasi bagi tahun rider, atau - Sehingga RM1,000 setiap 20 tahun, tolak sebarang amaun yang perlu dibayar untuk pemvaksin dalam tempoh 2 tahun rider. Tertakluk kepada jumlah amaun yang tersedia dalam Health Wallet - Bagi Pemvaksin: Sehingga RM500 setiap tahun rider tolak sebarang amaun yang perlu dibayar untuk Manfaat Pemeriksaan Kesihatan bagi tahun rider, tertakluk kepada jumlah amaun yang tersedia dalam Health Wallet
15	Manfaat Penjagaan Khas i. Gejala Kongenital ii. Pembedahan Plastik atau Kosmetik disebabkan oleh Kemalangan atau Kanser		Seperti caj yang dikenakan, tertakluk kepada jumlah amaun yang tersedia dalam Health Wallet
16	Manfaat Pemulihan dan Bantuan i. Mobiliti dan Bantuan Pendengaran - Anggota Tiruan - Alat Pendengaran		Seperti caj yang dikenakan, tertakluk kepada jumlah amaun yang tersedia dalam Health Wallet
	ii. Penjagaan Pemulihan - Kanser - Strok - Serangan Jantung (terpakai bagi keadaan untuk keparahan rendah, sederhana dan tinggi)		

No.	Had Manfaat	Pelan 300
17	Manfaat Kesihatan Mental Yuran Konsultasi Psikiatri bagi syarat-syarat berikut: • Gangguan Kemurungan Utama • Gangguan Kompulsif Obsesif • Skizofrenia • Gangguan Bipolar • Sindrom Tourette • Kemurungan selepas Bersalin	Sehingga RM 1,500 setiap tahun, tertakluk kepada jumlah amaun yang tersedia dalam Health Wallet
18	Pendorong Perlindungan	Jumlah amaun yang tersedia dalam Health Wallet akan dibayar: (a) untuk perbelanjaan layak sekiranya Had Tahunan telah digunakan sepenuhnya, atau (b) apabila kematian insured, tertakluk kepada maksimum 2 kali jumlah asas yang diinsuranskan

Nota:

- Semua angka yang ditunjukkan dalam Jadual Manfaat di atas adalah dalam Ringgit Malaysia (RM) kecuali dinyatakan sebaliknya.
- Sila ambil perhatian bahawa jika anda pilih untuk menarik balik Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan, amaun baki di dalam Health Wallet akan tamat tempoh bersama dengan pelan asas.
- Kami hanya akan membayar balik Caj Munasabah dan Biasa yang dikenakan untuk perbelanjaan yang layak dalam Jadual Manfaat di atas.
- Senarai Keadaan Serius yang dilindungi adalah seperti berikut:

1. Strok dan Lumpuh Anggota Badan	6. Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk
2. Gangguan Jantung	7. Systemic Lupus Erythematosus dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk
3. Kanser – dengan keparahan yang ditentukan dan tidak melibatkan kanser yang sangat awal	8. Penyakit Crohn dengan Fistula usus, Halangan atau Penembusan
4. Pembedahan Otak dan Ensefalitis yang mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	9. Kemalangan Serius – termasuk Trauma Utama Kepala dengan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
5. Penyakit Parkinson – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	

Nota:

- Senarai syarat ini akan dikemas kini dari semasa ke semasa dengan memberikan notis bertulis 30 hari terlebih dahulu kepada pemilik polisi dan pelanggan boleh merujuk kepada penyenaian yang tersedia di laman web AIA atau melalui mana-mana media atau cara elektronik lain untuk penyenaian terkini.
 - Manfaat Rawatan Selepas Hospitalisasian yang perlu dibayar selepas 180 hari adalah atas dasar pembayaran balik iaitu perbelanjaan yang layak untuk dibayar oleh pelanggan, dan kemudian memfailkan tuntutan kepada AIA Bhd.
- Manfaat di atas telah diringkaskan dan tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh manfaat, definisi, pengecualian, terma dan syarat.
 - Selain daripada manfaat-manfaat yang disenaraikan dalam jadual, APH2 menyediakan Program Rujukan Bantuan Kecemasan (REA)* dengan menelefon talian perkhidmatan hotline 24 jam dengan panggilan caj balikan. Pemindahan dan Penghantaran Pulang Perubatan Kecemasan juga sebahagian daripada Program REA.
 - Senarai perkhidmatan Program REA Bantuan Servis adalah seperti berikut:

No.	Bantuan Perkhidmatan	Manfaat-manfaat	Pengecualian-pengecualian
1	Program Bantuan Perubatan Antarabangsa	Pemindahan perubatan kecemasan, penyeliaan penghantaran balik dari segi perubatan, penghantaran balik mayat dan bantuan perubatan.	Sebarang kejadian yang berikut tidak dilindungi di bawah Program Bantuan Perubatan Antarabangsa dan Domestik: - Jika Insured mengembara walaupun nasihat pengamal perubatan diberi atau untuk berehat dan pemulihan berikutan sebarang sebelum kemalangan atau penyakit; atau - Jika pada pendapat pembekal perkhidmatan AIA Bhd., Insured tidak mengalami keadaan perubatan yang serius atau jika rawatan boleh ditangguhkan sehingga kepulangan Insured ke Malaysia atau negara tempat tinggal biasa; atau - Kegagalan Insured untuk mengambil langkah pencegahan yang munasabah berikutan amaran sebarang mogok, rusuhan atau kekecohan awam melalui media masa; atau - Pendedahan kepada bahaya secara sengaja atau cubaan pemusnahan diri atau kecederaan diri semasa siuman ataupun tidak siuman; atau - Sebarang perbelanjaan yang timbul daripada melahirkan anak, keguguran atau kehamilan; atau - Sebarang keadaan kesihatan yang merupakan salah satu sebab untuk melaksanakan perjalanan; atau - Jika Insured mengembara di luar Malaysia lebih daripada 90 hari berturut-turut di bawah Program Bantuan Perubatan Antarabangsa.
2	Program Bantuan Perubatan Domestik	Pemindahan perubatan kecemasan, penyeliaan penghantaran balik dari segi perubatan dan bantuan perubatan.	
3	Program Bantuan Kereta	Penundaan kecemasan dan pembaikan kecil di tepi jalan, bantuan penyewaan kereta dan rujukan kepada pusat perkhidmatan.	
4	Program Bantuan Kediaman	Bantuan sistem paip, tukang kunci, pembaikan am, pendinginan udara dan bantuan kawalan serangga perosak.	
5	Program Bantuan Perjalanan	Menyediakan maklumat seperti keperluan Visa, pasport dan inokulasi, pengesanan barang-barang yang hilang, penghantaran mesej kecemasan dan lain-lain.	

*Manfaat-manfaat yang diterangkan di bawah Program REA adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk senarai penuh manfaat-manfaat, pengecualian-pengecualian, terma-terma dan syarat-syarat. Sila ambil perhatian bahawa AIA Bhd. berhak untuk menyemak semula sebarang perkhidmatan dan / atau manfaat-manfaat di bawah Program REA dari masa ke semasa. Anda boleh merujuk laman web AIA atau portal pelanggan untuk perubahan tersebut (jika ada).

- Perkhidmatan Bantuan Kediaman hanya boleh didapati bagi Insured yang menetap di bandar-bandar utama Semenanjung Malaysia.
- Perkhidmatan (di bawah perkara 3, 4 dan 5) adalah terhad kepada khidmat rujukan sahaja. Kos perkhidmatan yang sebenar akan ditanggung oleh anda.
- Program REA adalah perkhidmatan nilai tambah iaitu yang disediakan oleh pihak ketiga dan penerusan perkhidmatan adalah tertakluk kepada perjanjian antara AIA Bhd. dan pihak ketiga.
- AIA Bhd. berhak untuk menghentikan perkhidmatan dengan memberi notis terlebih dahulu.

Sebarang tuntutan yang timbul daripada peristiwa-peristiwa berikut adalah tidak dilindungi di bawah APH2:

1. Penyakit Sedia Ada:

Penyakit Sedia Ada bermaksud Hilang Upaya sebelum Tarikh Mula atau Tarikh Penyertaan Kontrak Tambahan Hospitalisasi yang berkaitan, yang mana kemudian, dan Insured/Anda patut sewajarnya mengetahui tentang keadaan tersebut. Seseorang Insured/Anda dianggap sewajarnya mengetahui tentang sesuatu Penyakit Sedia Ada apabila keadaan itu merupakan keadaan dimana:

- (a) Insured telah menerima atau sedang menerima rawatan;
- (b) Nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah disyorkan;
- (c) Gejala yang jelas dan ketara telah terbukti; atau
- (d) Kewujudannya adalah nyata bagi orang yang waras dalam keadaan itu.

2. Penyakit Tertentu:

Rawatan atau Pembedahan untuk Penyakit Tertentu sehingga Insured telah diinsuranskan secara berterusan di bawah Kontrak Tambahan Hospitalisasi berkaitan untuk tempoh seratus dua puluh (120) hari sebaik sahaja sebelum rawatan atau Pembedahan tersebut.

Penyakit Tertentu bermaksud Hilang Upaya berikut dan komplikasi yang berkaitan dengannya:

- (a) Hipertensi, diabetes melitus dan penyakit kardiovaskular;
- (b) Pertumbuhan apa-apa jenis termasuk tumor, kanser, sista, nodul, polip di mana-mana sistem badan;
- (c) Batu dalam sistem kencing dan sistem biliari;
- (d) Sebarang penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) dan tekak;
- (e) Hernia, hemoroid, fistula, hidrocele, varikosele;
- (f) Sebarang penyakit sistem pembiakan termasuk Endometriosis;
- (g) Sebarang gangguan spina (termasuk diska tergelincir) dan penyakit lutut.

3. Sebarang keabnormalan perubatan atau fizikal yang wujud pada masa kelahiran, serta keabnormalan fizikal neonatal yang wujud dalam tempoh enam (6) bulan dari masa kelahiran.

Ini termasuklah:

- (a) Segala jenis hernia dan epilepsi kecuali apabila disebabkan oleh sesuatu trauma yang berlaku selepas tarikh Insured dilindungi secara berterusan di bawah Kontrak Tambahan Hospitalisasi yang berkaitan, dan
- (b) Sebarang keadaan kongenital atau keadaan keturunan yang telah menjadi nyata atau didiagnosis sebelum Insured mencapai umur tujuh belas (17) tahun;

kecuali Gejala Kongenital yang dilindungi di bawah Manfaat Penjagaan Khas.

- 4. Sebarang Hilang Upaya yang diakibatkan oleh memusnahkan diri atau kecederaan diri yang disengajakan, pendedahan kepada bahaya secara sengaja atau sebarang cubaan memusnahkan diri dalam keadaan siuman atau tidak siuman; atau
- 5. Sebarang Hilang Upaya yang diakibatkan oleh Peperangan, sama ada diisytiharkan ataupun tidak, mogok, rusuhan, perang saudara, revolusi atau sebarang operasi ketenteraan; atau
- 6. Berkhidmat dalam angkatan bersenjata semasa peperangan yang diisytiharkan ataupun tidak diisytiharkan atau semasa di bawah perintah untuk operasi ketenteraan atau pemulihan ketenteraan awam; atau
- 7. Sebarang pelanggaran atau cubaan untuk melanggar undang-undang atau menentang daripada ditahan; atau
- 8. Kehamilan, keguguran atau melahirkan anak (kecuali Komplikasi Bersalin yang dilindungi di bawah Manfaat Komplikasi Bersalin Tertentu, yang hanya terpakai selepas 1 tahun dari Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudiannya); atau
- 9. Penyakit mental atau penyakit saraf (kecuali keadaan-keadaan yang dilindungi di bawah Manfaat Kesihatan Mental), rawatan ketagihan arak, atau penyalahgunaan dadah atau sebarang komplikasi lain yang timbul daripadanya atau sebarang pengambilan dadah secara tidak sengaja yang tidak dipreskripsikan oleh Doktor yang merawat; atau
- 10. Pembedahan elektif/plastik/kosmetik (kecuali Pembedahan elektif atau plastik atau kosmetik disebabkan oleh Kemalangan atau Kanser di bawah Manfaat Penjagaan Khas), khatan (kecuali khatan akibat jangkitan), pemeriksaan mata / pembedahan elektif untuk kecacatan penglihatan akibat keterlihatan, penglihatan atau astigmatisme atau radang keratotomy; semua cermin mata pembetulan, kanta lekak atau penggunaan atau perolehan peralatan atau peranti prostetik luaran (kecuali anggota palsu dan bantuan pendengaran untuk Mobiliti dan Bantuan Pendengaran di bawah Penjagaan Pemulihan) dan preskripsinya; atau
- 11. Sebarang bentuk rawatan atau Pembedahan pergigian termasuk penggantian gigi asal, penggantian gigi palsu dan perkhidmatan prostetik seperti titian gigi ("bridges") dan korona ("crowns") atau penggantianinya, melainkan jika diperlukan Kecederaan yang dilindungi di bawah Manfaat Rawatan Pesakit Luar Pesakit Kecemasan seperti yang dinyatakan dalam Kontrak Tambahan; atau
- 12. Hospitalisasi terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Hilang Upaya yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan (kecuali Pemeriksaan Kesihatan di bawah Manfaat Pencegahan), vitamin/makanan tambahan dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan; atau
- 13. Sebarang rawatan atau siasatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan, atau penyembuhan, penjagaan atau rehat pulih; atau
- 14. Sebarang keadaan perubatan atau fizikal yang timbul dalam tempoh tiga puluh (30) hari pertama dari Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula Kontrak Tambahan Hospitalisasi yang berkaitan, yang mana kemudian, kecuali Kecederaan Dilindungi; atau
- 15. Radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuklear. atau
- 16. Perbelanjaan yang dilakukan untuk mendermakan mana-mana bahagian badan atau organ oleh Insured dan pemerolehan organ termasuk semua kos yang dilakukan oleh penderma semasa pemindahan organ dan komplikasinya. Kami hanya akan membayar balik Caj Munasabah dan Biasa yang dikenakan ke atas Pembedahan Pemindahan Organ Utama/Sumsum Tulang untuk Insured sebagai penerima, terhad kepada sekali seumur hidup; atau
- 17. Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar yang mana gejala-gejala yang pertama kali berlaku sebelum atau dalam tempoh 30 hari dari Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian; atau
- 18. Manfaat Rawatan Kanser Pesakit Luar yang mana gejala-gejala yang pertama kali berlaku sebelum atau dalam tempoh 60 hari dari Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian; atau
- 19. Rawatan di luar negara jika Insured tinggal atau mengembara di luar Malaysia (kecuali Singapura dan Brunei) selama lebih daripada 90 hari berturut-turut; atau
- 20. Penjagaan atau rawatan yang tidak membawa kepada pemulihan, pemuliharaan keadaan Pihak Diinsuranskan atau pemulihan kepada keadaan kesihatan Pihak Diinsuranskan sebelumnya.

Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan

- Apabila Insured mencapai tahun polisi ke-25 dan polisi ini masih berkuatkuasa, pelan asas dan sebarang rider yang dilampirkan (kecuali A-Plus WaiverExtra, jika ada) akan terus berkuatkuasa selepas Tarikh Kematangan dengan Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan SEKIRANYA terdapat Nilai Akaun yang mencukupi untuk menolak COI dan yuran-yuran dan caj-caj pelan asas dan sebarang rider yang dilampirkan, sehingga umur Insured 100 tahun bagi pelan asas dan umur maksimum perlindungan mana-mana rider-rider yang dilampirkan. Polisi ini akan luput apabila Nilai Akaun telah habis digunakan.
- Peringatan Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan ini akan dihantar kepada anda 90 hari sebelum Tarikh Kematangan asal polisi. Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan akan berkuatkuasa jika anda tidak memaklumkan AIA Bhd. untuk menarik diri daripada Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan ini. Anda boleh memaklumkan AIA Bhd. terlebih dahulu untuk menarik balik Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan sebelum mencapai tahun polisi ke-25. Sila ambil perhatian bahawa jika anda pilih untuk menarik balik Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan, pelan asas dan semua rider yang dilampirkan termasuk sebarang Amaun Health Wallet daripada rider/rider-rider perubatan akan tamat tempoh pada tahun polisi ke-25. Sebarang permohonan untuk Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan adalah tidak dibenarkan selepas anda menarik diri daripadanya.
- Semasa Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan, perlindungan yang disediakan oleh pelan asas dan sebarang rider yang dilampirkan akan kekal sama. Untuk kemampuan berterusan polisi, premium A-Plus Saver atau Tokok premium boleh digunakan untuk memastikan bahawa terdapat Nilai Akaun yang mencukupi untuk memotong COI dan yuran-yuran dan caj-caj.
- Anda boleh merujuk kepada penyata kewangan tahunan untuk jumlah tambah nilai yang disyorkan, yang dikemas kini setiap tahun, untuk meningkatkan kemampuan polisi Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan. Anda juga boleh mempertimbangkan untuk menambah premium anda dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kemampuan polisi anda.

AIA VITALITY:

Health Rewards (terpakai jika pemilik polisi ialah ahli AIA Vitality sahaja)

Ini adalah manfaat tambahan yang terpakai bagi polisi apabila Insured membeli A-Plus Health 2 dan mendaftar sebagai ahli AIA Vitality. Health Rewards menyediakan manfaat yang dinyatakan di bawah.

i. Manfaat Penjagaan Hospitalisasi

Health Rewards memberikan Manfaat Penjagaan Hospitalisasi (jika ada), bergantung pada status AIA Vitality Insured semasa kemasukan ke Hospital. Berikut adalah Manfaat Penjagaan Hospitalisasi amaun untuk Setiap Hilang Upaya/ setiap tahun rider bergantung pada Pilihan Penjimatan Kos yang dipilih, tanpa mengira jenis/jenis-jenis Hilang Upaya (jika berkenaan) semasa kemasukan ke hospital:

Status AIA Vitality	Gangsa	Perak	Emas	Platinum
Manfaat Penjagaan Hospitalisasi Amaun	RM0	RM0	RM250	RM500

ii. Manfaat Peningkatan Bilik dan Penginapan Hospital

Health Rewards akan meningkatkan amaun had harian Bilik dan Penginapan Hospital, bergantung kepada status AIA Vitality Insured semasa kemasukan ke Hospital.

Berikut adalah peratusan (%) peningkatan amaun kepada had harian Bilik dan Penginapan Hospital semasa kemasukkan ke Hospital:

AIA Vitality Status	Gangsa	Perak	Emas	Platinum
Peratusan (%) peningkatan kepada Amaun Had Harian Bilik dan Penginapan Hospital	Tiada Peningkatan	Tiada Peningkatan	Peningkatan sebanyak 50%	Peningkatan sebanyak 100%

iii. Booster Health Wallet

Health Rewards akan meningkatkan Jumlah Amaun Health Wallet (jika ada) setiap tahun, bergantung pada status AIA Vitality Insured pada empat puluh lima (45) hari sebelum ulang tahun rider mengikut peratusan (%) yang ditunjukkan di bawah. Amaun tambahan ini akan dikreditkan ke dalam Health Wallet setiap tahun rider.

Berikut adalah peratusan (%) daripada peningkatan Jumlah Amaun Health Wallet:

AIA Vitality Status	Gangsa	Perak	Emas	Platinum
Peratusan (%) kepada Peningkatan Jumlah Amaun Health Wallet	0%	0%	Peningkatan sebanyak 5%	Peningkatan sebanyak 10%

AIA Vitality adalah program yang ditawarkan oleh AIA Health Services Sdn. Bhd. (Syarikat No. 199601016211 (388561-T)) yang menyokong dan memberi ganjaran kepada ahli-ahlinya kerana membuat pilihan yang lebih sihat setiap hari.